

Jilid III  
Bil. 14



Hari Rabu  
9hb Disember, 1981

## PENYATA RASMI PARLIMEN PARLIAMENTARY DEBATES

### DEWAN NEGARA *SENATE*

### PARLIMEN KELIMA *Fifth Parliament*

### PENGGAL KETIGA *Third Session*

### KANDUNGANNYA

#### MENGANGKAT SUMPAH:

Tuan Kenneth Kanyan anak Temenggong Koh [Ruangan 1597]  
Tuan Fadzil bin Mahmood [Ruangan 1597]  
Tuan Basharon bin Hanapiyah [Ruangan 1597]

#### PENGUMUMAN YANG DI-PERTUA:

Mengalu-alukan Ahli-ahli Baru [Ruangan 1597]  
Memperkenankan Akta-akta [Ruangan 1597]  
Perutusan daripada Dewan Rakyat [Ruangan 1598]

#### URUSAN MESYUARAT [Ruangan 1599]

#### JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN [Ruangan 1600]

#### RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan, 1982 [Ruangan 1637]

MALAYSIA  
**PARLIMEN KELIMA—DEWAN NEGARA**

*Penyata Rasmi Parlimen*

**PENGGAL YANG KETIGA**

**AHLI-AHLI DEWAN NEGARA**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI ISMAIL KHAN, P.S.M., B.K.T., P.P.T. (Dilantik).

- „ Menteri Tak Berpotfolio, DATO HAJI MOHAMED BIN NASIR, S.P.M.K., J.M.N., J.P. (Kelantan).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, JENERAL TAN SRI HAJI ABDUL HAMID BIN BIDIN, P.S.M., S.P.M.K., D.I.M.P., J.M.N., P.M.P., P.P.T., P.J.K. (Dilantik).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, P.B.S. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ABDUL HAMID BIN TAHIR, S.M.T., B.C.K., P.J.K. (Kedah).
- „ TUAN ABDUL RAZAK BIN HAJI ABU SAMAH, A.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ TAN SRI DATO' HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSAIN, P.S.M., D.S.W., J.S.M., S.M.P. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ABDUL SAMAD BIN SAID (Dilantik).
- „ Tuan Abdullah bin Salleh (Perlis).
- „ TUAN V. V. ABOO, J.S.M., A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ DATO HAJI AHMAD BIN HAJI ITHNIN, D.M.S.M., K.M.N., A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN ALEXANDER Y. L. LEE (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ARIFFIN BIN HAJI SALLEH, K.M.N., S.M.K. (Dilantik).
- „ TUAN BASHARON BIN HANAPIAH (Dilantik).
- „ TUAN CHIN KIM YOUNG (Perak).
- „ DATUK CHOO CHING HWA, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K., P.P.N., J.P. (Dilantik).
- „ DR CHOO KOOI FOOK (Dilantik).
- „ DATUK CHUA SONG LIM, S.P.M.J., S.S.I.J., J.M.N., P.I.S., J.P. (Johor).
- „ TUAN DAIM BIN ZAINUDDIN (Dilantik).
- „ TUAN HAJI FADZIL BIN AHMAD, A.M.N. (Kedah).
- „ TUAN FADZIL BIN MAHMOOD (Perlis).
- „ DATO' HAJAH FATIMAH BINTI HAJI SALIM, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., S.M.J. (Dilantik).
- „ DR GAN KONG SENG, P.J.K. (Negeri Sembilan).

- Yang Berhormat PUAN HASNAH BINTI HAJI MOHD. KASIM *alias* HASNAH FATIMAH BINTI HAJI MOHD. KASIM, A.M.N., P.J.K., P.P.N. (Trengganu).
- „ DATO SERI HAJI HUSSEIN BIN MOHD. NOORDIN, S.P.M.P., D.P.M.P., J.M.N., P.J.K., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN ABDULLAH, A.M.N., A.M.P., P.J.K., J.P. (Perak).
- „ TUAN IBRAHIM BIN SALLEH, A.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN ISHAK BIN ABDUL RAHMAN, A.M.N., P.J.K. (Pulau Pinang).
- „ DATO' ISMAIL BIN HASHIM, K.M.N., A.M.N., P.B.M., J.P. (Melaka).
- „ DATO' HAJI ISMAIL BIN HASSAN, D.P.M.J., P.I.S. (Johor).
- „ DATUK JAMES WILLIE, P.G.D.K. (Sabah).
- „ DATO' KAM WOON WAH, D.I.M.P., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN SYED KAMARULZAMAN BIN SYED BAHALDIN ALJAMLUD, K.M.N., A.M.N. (Selangor).
- „ TUAN KENNETH KANYAN ANAK TEMENGGONG KOH (Sarawak).
- „ TUAN K. KUMARAN, K.M.N., P.M.P., P.P.T. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI LATIP BIN HAJI DRIS (Dilantik).
- „ TAN SRI LEE BOON CHIM, P.S.M., S.M.S. (Dilantik)
- „ TUAN LEE JONG KI (Dilantik).
- „ TUAN LOH KEE PENG, P.J.K., J.P. (Melaka).
- „ TUAN LOO SWEE MOK, A.M.N., P.P.N. (Pahang).
- „ TUAN M. MAHALINGAM, J.P. (Dilantik).
- „ DATIN HAJjah MAHIMON BINTI HAJI HARUN, S.M.P., A.M.N., J.P. (Pahang).
- „ DATO' HAJI MAHMOUD *alias* MAHMOUD SALIM BIN HAJI MOHAMAD, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Trengganu).
- „ TUAN HAJI MOHD. AZLAN KINJAWAN *alias* PHILIP MEJA (Dilantik).
- „ DATUK HAJI MOHD. DIN BIN JAAFAR, P.G.D.K., A.D.K., B.K. (Dilantik).
- „ TAN SRI HAJI MOHD. GHAZALI BIN HAJI JAWI, P.M.N., S.P.C.M., P.N.B.S., S.P.D.K. (Dilantik).
- „ DATO' HAJI MOHD. NOR MOHAMAD, D.P.M.S., J.M.N., S.M.T., S.M.S., P.J.K. (Dilantik).
- „ DATO' HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN M. MUTHU PALANIAPPAN, A.M.N., P.P.T. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI NORDIN BIN PESAH, K.M.N., A.M.N., P.J.K., J.P. (Negeri Sembilan).
- „ DATO' HAJI OTHMAN BIN HAJI ABDULLAH, D.P.M.J., P.C.M. (Dilantik).
- „ TOK PANGKU PANDAK HAMID BIN PUTEH JALI, P.J.K. (Dilantik).

- Yang Berhormat DATO' G. PASAMANICKAM, S.P.M.J., D.P.M.J., D.S.I.J., P.I.S., B.S.I., J.S.M., A.M.N., J.P. (Dilantik).
- ,, PUAN RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., A.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- ,, TUAN S. I. RAJAH, B.S.I., P.I.S. (Dilantik).
- ,, PUAN RAGAYAH ARIFF, A.M.N., P.P.N., P.J.K. (Dilantik).
- ,, PUAN HAJAH SALMAH BINTI SHEIKH HUSSAIN, A.M.N., P.K.T. (Dilantik).
- ,, TAN SRI DATUK DR C. SINNADURAI, P.S.M., P.S.D., P.N.B.S., D.P.M.P., J.M.N., S.M.K., C.M.B., P.J.K. (Dilantik).
- ,, TUAN S. SUBRAMANIAM (Dilantik).
- ,, DATO' SULAIMAN BIN NINAM SHAH, S.P.M.J., S.S.I.J., J.M.N., B.S.I., P.I.S., J.P. (Dilantik).
- ,, TUAN TAN CHANG SOONG, A.M.N. (Dilantik).
- ,, TUAN TING MING HIA *alias* TING MING HOI (Sarawak).
- ,, TUAN WONG KIE NAI (Dilantik)
- ,, TUAN HAJI TUAN YAACOB BIN HAJI ENGKU YUNUS, P.P.N. (Kelantan).
- ,, DATO' YAP PENG *alias* YAP PIANG TAU (Selangor).
- ,, TAN SRI DATUK YEH PAO TSU, P.S.M., P.G.D.K., A.M.N. (Sabah).
- ,, TAN SRI ZAITON IBRAHIM BIN AHMAD, P.S.M. (Dilantik).

## DEWAN NEGARA

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

**Setiausaha Dewan Negara:** Haji Ahmad Hasmuni bin Haji Hussein.

**Timbalan Setiausaha:** Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

**Penolong Setiausaha:** Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

**Penolong Setiausaha:** Abdullah bin Abdul Wahab.

### BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

**Penyunting Kanan:** Yahya Manap.

**Penyunting:** P. Bhaskaran Menon.

**Penyunting:** Haji Osman bin Sidik.

*Pemberita-pemberita*

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahaman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Kalsom binti Ghazali.

### BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Shariff bin Md. Saad.

## DEWAN NEGARA

**Rabu, 9hb Disember, 1981**

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang*

### **DOA**

(Tuan Yang di-Pertua mempengurusikan Mesyuarat)

### **MENGANGKAT SUMPAH**

Ahli-ahli Yang Berhormat yang tersebut di bawah ini telah mengangkat Sumpah seperti yang disebutkan dalam Perlembagaan:

Tuan Kenneth Kanyan anak Temenggong Koh

Tuan Fadzil bin Mahmood

Tuan Basharon bin Hanapiah

### **PENGUMUMAN YANG DI-PERTUA**

### **MENGALU-ALUKAN AHLI-AHLI BARU**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mengucapkan selamat datang dan tahniah kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang baru mengangkat Sumpah sebentar tadi. Saya berharap semoga Ahli-ahli yang baru dipilih dan dilantik itu dapat memberikan sumbangan mereka yang berguna dan berfaedah kepada Dewan ini dan kepada negara seterusnya dan semoga mereka dapat berkhidmat dengan cemerlangnya.

### **MEMPERKENANKAN AKTA-AKTA**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya sukalah hendak memberitahu iaitu Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia Baginda telah berkenan mempersetujukan Akta-akta yang telah diluluskan oleh Dewan Parlimen dalam mesyuaratnya yang lalu.

Akta-akta tersebut adalah seperti berikut:

1. Akta Kumpulanwang Pinjaman Pekebun (Pembubaran) 1981;
2. Akta Timbang dan Sukat (Pindaan) 1981;
3. Akta Lalulintas Jalan (Pindaan) 1981;
4. Akta Suruhanjaya Pilihanraya (Pindaan) 1981; dan
5. Akta Peruntukan Di Raja (Pindaan) 1981.

### **PERUTUSAN DARIPADA DEWAN RAKYAT**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu Perutusan daripada Dewan Rakyat yang meminta Dewan Negara mempersetujukan Rang Undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan tersebut.

Saya jemput Setiausaha membacakan Perutusan itu sekarang.

*(Setiausaha membacakan Perutusan)*

“8hb Disember, 1981.

Tuan Yang di-Pertua,

Dewan Rakyat telah meluluskan Rang Undang-undang yang berikut dan meminta Dewan Negara mempersetujukannya:

1. Rang Undang-undang Perbekalan 1982;
2. Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1980 dan 1981);
3. Rang Undang-undang Kewangan (No. 2);
4. Rang Undang-undang Wilayah Persekutuan (Perkiraan Kewangan);
5. Rang Undang-undang Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (Pindaan);

6. Rang Undang-undang Membaharui Undang-undang (Penghapusan Samsu Gelap) (Pindaan);
7. Rang Undang-undang Bank Negara Malaysia dan Bank (Pindaan);
8. Rang Undang-undang Mahkamah Kehakiman (Pindaan);
9. Rang Undang-undang (Perancangan) Wilayah Persekutuan;
10. Rang Undang-undang Ibu Kota Persekutuan (Pindaan);
11. Rang Undang-undang Keistimewaan Diplomatik (Konvensyen Vienna) (Pindaan);
12. Rang Undang-undang Pejabat Pos (Pindaan);
13. Rang Undang-undang Galakan Pelaburan (Pindaan) (No. 2); dan
14. Rang Undang-undang Harta Pesaka Kecil (Pembahagian) (Pindaan).

tandatangan:

YANG DI-PERTUA DEWAN RAKYAT”.

### URUSAN MESYUARAT

**Menteri Tak Berpotfolio (Dato' Haji Mohamed bin Nasir):** Tuan Yang di-Pertua, saya akan mencadangkan supaya Rang Undang-undang yang tersebut di dalam Perutusan itu dibacakan kali yang kedua dan ketiganya di Mesyuarat ini:

1. Rang Undang-undang Perbekalan 1982;
2. Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1980 dan 1981);
3. Rang Undang-undang Kewangan (No. 2);
4. Rang Undang-undang Wilayah Persekutuan (Perkiraan Kewangan);
5. Rang Undang-undang Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (Pindaan);
6. Rang Undang-undang Membaharui Undang-undang (Penghapusan Samsu Gelap) (Pindaan);
7. Rang Undang-undang Bank Negara Malaysia dan Bank (Pindaan);

8. Rang Undang-undang Mahkamah Kehakiman (Pindaan);
9. Rang Undang-undang (Perancangan) Wilayah Persekutuan;
10. Rang Undang-undang Ibu Kota Persekutuan (Pindaan);
11. Rang Undang-undang Keistimewaan Diplomatik (Konvensyen Vienna) (Pindaan);
12. Rang Undang-undang Pejabat Pos (Pindaan);
13. Rang Undang-undang Galakan Pelaburan (Pindaan) (No. 2); dan
14. Rang Undang-undang Harta Pesaka Kecil (Pembahagian) (Pindaan).

**Tuan Yang di-Pertua:** Baiklah.

### JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

#### DAGING DALAM TIN—PENGAWASAN

**1. Datuk Haji Mohd. Din bin Jaafar** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama ada Kementerian berkenaan mengawasi barang-barang makanan jenis daging yang ditinkan dan diimport dari Australia dan Negeri China, halal dimakan oleh orang-orang Islam di negara ini.

**Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato' Shahrir bin Abdul Samad):** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya tidak mengadakan pengawasan terhadap daging dalam tin yang diimport dari Australia atau negeri China bagi memastikan sama ada ianya halal atau sebaliknya. Oleh itu, barang-barang makanan jenis daging yang ditinkan dan diimport dari Australia dan negeri China tidak dijamin halal oleh Kerajaan. Tidak ada undang-undang yang memastikan barang-barang yang diimport itu halal. Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat barang-barang dalam tin yang diimport diperihalkan sebagai halal oleh pihak yang bertanggungjawab dalam urusniaganya, maka pegawai-pegawai Kementerian saya dengan bantuan Jabatan

Ugama Islam boleh menyiasat kebenaran penandaan yang digunakan. Jika sekiranya barang-barang yang diperihalkan sebagai halal itu tidak betul perihalnya, pihak yang menjualnya boleh didakwa di bawah Akta Perihal Dagangan 1972. Di bawah Akta ini hukuman maksima yang boleh dikenakan oleh pihak mahkamah ialah denda tidak lebih dari \$5,000 atau dua tahun penjara atau kedua-duanya sekali.

Di samping itu tindakan sedang diambil oleh Kementerian saya untuk meminda Akta yang berkenaan untuk menjadikan hukuman yang lebih berat bagi mencegah perbuatan ini dengan lebih berkesan lagi.

**Dato' Ismail bin Hashim:** Tuan Yang di-Pertua, dalam masalah yang berkenaan ini oleh sebab negara kita ini adalah negara yang ugama rasminya Ugama Islam, boleh atau tidak Kementerian Yang Berhormat memastikan dengan bersungguh-sungguh supaya tidak melibatkan dari segi keugamaan dan tidak semestinya kita mengawasi dalam segala masalah yang difikirkan tidak bersesuaian dari segi kedudukan kita sebagai negara yang Islam menjadi ugama rasmi kita supaya dipastikan segala barang-barang dalam tin ini sama ada datangnya dari Australia atau negeri China supaya kita pastikan barang itu halal, tidak semestinya kita dapat mengawasi; saya tidak fikir kita dapat mengawasi segala-galanya dan kita berkehendak supaya barang yang tertentu yang boleh dimakan oleh orang-orang Islam tidak ada masalah soal jawab di masa-masa yang akan datang. Boleh atau tidak dari segi Kementerian Yang Berhormat?

**Dato' Shahrir bin Abdul Samad:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa jawapannya bukan sebegini mudah untuk diberikan sama ada boleh atau tidak kerana dalam soal barang-barang makanan yang mana yang halal boleh diletakkan dengan perihalnya dengan menggunakan perkataan 'halal' dan dari segi Kementerian dan dari segi Kerajaan kita mempunyai kuasa untuk menentukan barang siapa yang menggunakan perihal perkataan 'halal' itu benar-benar meletakkan perkataan itu kepada barang-barang yang benar-benar halal. Sekiranya ini disalahgunakan, maka

Kementerian boleh mengambil tindakan di bawah Akta Perihal Dagangan.

**Dato' Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad:** Saya suka menambah sedikit lagi, Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang dikatakan oleh Timbalan Menteri tadi iaitu pihak Penguatkuasa Perdagangan boleh menentukan yang mana halal, yang mana haram daging-daging dan sebagainya. Saya hendak bertanya, perkataan 'halal' ataupun 'ditanggung halal' ditulis sama ada di tin ataupun sebagainya kalaulah di dalam negara kita, kilang itu di dalam Malaysia memang ada kuasa bagi pihak Penguatkuasa Kementerian Perdagangan dan Perindustrian boleh memeriksa dan boleh mengenakan denda kalau didapati salah. Tetapi daging-daging dari luar yang masuk ke Malaysia yang ditulis di situ 'ditanggung halal' ini adalah menjadi satu peluang kepada orang-orang berniaga sekarang ini mengambil peluang ditulis ditanggung halal. Misalnya datang daripada negeri China perkataan ditanggung halal, adakah pihak Kementerian Perdagangan dan Perindustrian akan menghantarkan rombongan ini pergi menyiasat kilang yang membuat daging di negeri China itu ataupun daging itu datangnya daripada Afrika Selatan, adakah Kementerian akan pergi menghantar? Itu soalnya. Kalau sekiranya daging itu ataupun sebagainya tidak ditulis halal, itu tidak mengapa; terpulang kepada orang Islam itu sendiri sama ada hendak makan atau tidak makan tetapi masalah ditanggung halal siapa yang bertanggungjawab?

**Dato' Shahrir bin Abdul Samad:** Tuan Yang di-Pertua, yang pertamanya kita tidak membenarkan sama sekali pengimportan barang-barang daripada Afrika Selatan. Tentang pengeluaran barang-barang makanan yang bertin yang datangnya daripada negara-negara yang lain, kebiasaannya kita mempunyai hubungan diplomatik dan kita juga mempunyai pejabat-pejabat perdagangan yang boleh membantu Kementerian ini dalam menyemak sama ada barang-barang yang ditinkan itu dikeluarkan sebenar-benar mengikuti peraturan dan takrif halal itu dan kita dalam menentukan samia ada barang itu halal atau tidak akan

menggunakan kemudahan-kemudahan yang sedia ada di peringkat Kementerian saya dengan menggunakan pegawai-pegawai kita di Pejabat-pejabat Perdagangan ataupun Kedutaan-kedutaan kita di negara-negara asing.

**Puan Hajjah Salmah binti Sheikh Hussain:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Ada terselit atau ayat perkataan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab tadi memperkatakan "ditanggung halal". Dalam soalan tambahan saya bagaimakah Jabatan Ugama dan pihak yang berkenaan berani mempertanggungjawabkan masalah ini dengan memperkatakan halal.

Kedua, boleh atau tidak dari Malaysia menghantar wakil untuk memerhatikan lebih dahulu untuk memastikan benar-benar benda ini halal, baru ditandakan cap di atas daging itu halal.

**Dato' Shahrir bin Abdul Samad:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ada menyatakan tentang menggunakan perkataan "ditanggung halal". Saya menyatakan perkataan "tidak dijamin halal" oleh Kerajaan dalam jawapan saya.

Berhubung dengan bahagian kedua soalan itu ialah dalam soal dagangan biasanya perdagangan ini dijalankan oleh badan-badan swasta. Jadi tidaklah menjadi tanggungjawab Kementerian atau Kerajaan untuk mempastikan boleh atau tidak selepas itu memberitahu kepada pihak badan swasta untuk mengimport atau tidak mengimport. Soalnya sama ada kita hendak mengimport atau tidak barang-barang ini haruslah kita membiarkan perkara ini dilakukan oleh pihak swasta. Hanya apabila pihak swasta ingin menggunakan perkataan ataupun perihal halal barulah Kementerian ini menentukan supaya perihal itu digunakan dengan betul dan tidak dengan bertujuan untuk mengelirukan ataupun menipu orang Islam. Daripada pandangan saya kita banyak daging lembu yang hidup, tidak payahlah kita hendak makan barang dalam tin. Saya tidak nampak yang barang ini sebagai satu perkara yang susah bagi kita. Perkara ini kecil sahaja kerana biasanya orang Melayu ini jarang sangat makan barang-barang dalam tin.

## PENGKALAN TENTERA LAUT DI RAJA MALAYSIA

2. **Dato' Chin Kim Yoong** minta Menteri Pertahanan menyatakan:

- (a) bilakah anggota Tentera Laut Di Raja Malaysia, kakitangan awam yang terlibat bersama-sama keluarga mereka akan berpindah dari Woodlands (Singapura) ke Lumut di Perak; dan
- (b) nyatakan anggaran perbelanjaan untuk memindahkan tentera laut tersebut.

**Timbalan Menteri Pertahanan (Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustafa):** Tuan Yang di-Pertua, untuk jawapan kepada soalan:

- (a) Perlaksanaan kerja-kerja pembinaan Pengkalan Tentera Laut Di Raja Malaysia di Lumut sedang pesat dijalankan. Setakat ini 70% daripada kerja-kerja pembinaan telah siap dan pemindahan unit-unit TLDM telahpun dibuat secara berperingkat-peringkat. Sehingga kini, beberapa yunit seperti KD PELANDOK, iaitu Pusat Latihan TLDM, yunit Administrasi Pelabuhan dan 5 buah kapal utama telahpun berpindah ke sana. Secara perhitungan kasar hanya 30% dari jumlah yunit-yunit TLDM yang akan berpindah ke Lumut telah mula beroperasi di sana.

Menjelang akhir tahun ini, Markas Panglima Armada TLDM dan yunit-yunit bantuan yang berjumlah lebih kurang 750 anggota akan mula berpindah ke Lumut. Dengan ini, jumlah anggota-anggota TLDM berserta keluarga mereka yang akan bermastautin di Lumut pada bulan Januari 1982 adalah lebih kurang 6,000 orang.

Markas Panglima Material Armada dan yunit-yunit di bawah Perindustriannya serta pasukan-pasukan bantuan yang lain akan dipindahkan ke Lumut apabila bangunan-bangunan dan kemudahan-kemudahan untuk mereka siap kelak. Adalah dianggarkan bahawa kesemua pemindahan-pemindahan ini akan berakhir pada penghujung tahun 1984

di mana kesemua yunit-yunit yang berkenaan akan mula beroperasi dari Pengkalan di Lumut.

(b) Jumlah perbelanjaan yang terlibat untuk kerja-kerja pemindahan ini adalah seperti berikut:

(i) KD PELANDOK ..	\$1,500,000.00
(ii) Markas Panglima Armada ..	\$1,600,000.00
(iii) Lain-lain yunit (Sebagian sahaja) .. .. ..	\$ 500,000.00
Jumlah ..	\$3,600,000.00

Berpandukan jumlah yang telah dibahagikan, adalah dianggarkan bahawa menjelang tahun 1985 nanti perbelanjaan yang diperlukan untuk memindahkan kesemua yunit-yunit yang lain akan berjumlah \$7,000,500.00.

**Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya memandang soal pemindahan Tentera Laut Di Raja Malaysia ini satu perkara yang penting dan saya rasa pertahanan seluruh tanahair kita utara/selatan—timur/barat hendaklah kita kuatkan dengan sungguh-sungguh. Saya hendak bertanya bagaimana perjanjian di antara Kerajaan Malaysia dengan Singapura berkenaan dengan Woodlands, adakah misalnya kita meletakkan tentera di sana boleh dikeluarkan oleh Singapura dengan sewenang sahaja ataupun ada kita mengikut satu perjanjian yang tertentu, sekian-sekian tahun Tentera Laut Di-Raja Malaysia mesti pindah ke Malaysia sendiri.

Sebab, Tuan Yang di-Pertua, pada hemat saya dalam membangunkan negara Malaysia tidak lupa juga pertahanan paling penting. Bukan pertahanan di barat dan timur sahaja tetapi di selatan Tanah Melayu ini yakni sempadan di Singapura atau laut sekeliling di seberang sana penting. Kepada saya Tentera Laut Di Raja Malaysia mesti ada di Woodlands juga—tidak mahu semuanya kita pindah ke Lumut. Kita beri satu bucu kuat, dan satu bucu yang lain kita tinggalkan.

Saya berpendapat tahun 1984 semua Tentera Laut Di Raja Malaysia di Woodlands dipindah ke Lumut, tidak ada seorang pun

lagi di Woodlands. Saya suka bertanya, bagaimana perjanjian kita? Jikalau lah perjanjian kita:

Satu, Singapura kita beri air sampai bila-bila pun kita bantu, mengapa misalnya kekuatan pertahanan bersama yang demikian kita tinggalkan dan kita tidak boleh tinggalkan tentera kita di Woodlands.

Kedua, kalau boleh pada pendapat saya kaji semula perkara ini. Jangan terus dipindahkan, mesti kita timbang jangka panjang pertahanan Malaysia terutamanya Menteri Pertahanan harus mengambil inisiatif yang sungguh-sungguh tegas memandang 100 tahun di hadapan yakni tiap-tiap pelusuk tanahair kita di Malaysia ini, pertahanan kita mesti diperkuatkan. Sebab yang kedua ini, saya mahu, kalau boleh, Kerajaan Malaysia mestilah meletakkan tenteranya juga di Woodlands sampai keadaan-keadaan mempastikan kepada dunia yang kita sungguh-sungguh aman.

**Abang Abu Bakar bin Datu Bandar**  
**Abang Haji Mustafa:** Tuan Yang di-Pertua, nampaknya soalan pertama berlainan daripada soalan asal. Untuk soalan kedua, pandangan yang diberi oleh Ahli Yang Berhormat itu akan dipertimbangkan oleh Kementerian saya.

**Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, minta maaf. Saya rasa, saya bercakap pun tidak out of point sangat (*Ketawa*). Tetapi yang dikatakan soalan itu berlainan dari soalan yang asal, saya rasa itu bukan soalan lain, Takrif—Tentera Laut Di-Raja Malaysia. Kedudukan Woodlands apa lain, saya tidak faham. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu apa sebab soalan lain yang dikatakan soalan yang pertama tadi. Bolehkah diberitahu?

**Abang Abu Bakar bin Datu Bandar**  
**Abang Haji Mustafa:** Soalan yang pertama itu tidak ada kena mengena dengan perjanjian di antara Malaysia dengan Singapura seperti soalan pertama atau soalan asal..

**Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah:** Jadi tidak ada perjanjianlah!

**Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustafa:** Bukan, soalan asal tidak ada kena mengena dengan soal perjanjian.

**Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah:** Maaf, tetapi Yang Berhormat tidak boleh jawab—kita tidak ada perjanjian antara Woodlands dengan Singapura.

**Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustafa:** Bukan, soalan tadi tidak ada kena mengena dengan perjanjian antara Singapura dengan Malaysia.

**Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah:** Kalau begitu, Tuan Yang di-Pertua, saya tarik balik dan berharap di suatu masa akan datang Yang Berhormat dapat memberitahu perjanjian yang penting ini (*Ketawa*).

#### **KESESAKAN LALULINTAS DISEBABKAN BANJIR KILAT**

**3. Tuan Abdul Razak bin Haji Abu Samah** minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan tindakan yang telah diambil bagi mengatasi masalah kesesakan lalu-lintas di Bandaraya Kuala Lumpur yang disebabkan oleh perkara-perkara berikut:

- (a) banjir yang sering melanda beberapa tempat di Kuala Lumpur oleh kerana sistem longkang dan talair yang tidak sempurna;
- (b) jalanraya yang tidak baik oleh kerja-kerja pembinaan/pembakaian jalan yang selalu terbengkalai; dan
- (c) tabiat memandu yang tidak baik oleh kebanyakan pemandu-pemandu dan mini-bas.

**Menteri Wilayah Persekutuan (Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf):** Tuan Yang di-Pertua,

(a) Banjir kilat yang selalu berlaku di beberapa tempat di Kuala Lumpur adalah disebabkan oleh longkang-longkang yang kecil saisnya dan terjadinya aliran balik flow back dari sungai-sungai di mana longkang tersebut dialirkan.

Dewasa ini, sebahagian longkang-longkang di Wilayah Persekutuan adalah di bawah tanggungjawab Jabatan Parit dan Talair

Wilayah Persekutuan dan sebahagian lagi adalah terletak di bawah tanggungjawab Dewan Bandaraya. Kedua-dua Jabatan tersebut telah menumpukan perhatian yang berat terhadap masalah banjir, terutamanya yang menghalang lalu-lintas. Dewan Bandaraya telah menubuhkan satu pasukan khas (Emergency Squad) yang bertanggungjawab membersihkan sampah sarap di longkang-longkang besar supaya pengaliran air tidak tersekat dan menyebabkan banjir. Di samping itu, beberapa projek peparitan untuk mengelak masalah banjir kilat telah dibina, termasuk di kawasan Bangsar dan Kampung Kerinchi.

Bagi Jabatan Parit dan Talair Wilayah Persekutuan, untuk mengatasi banjir kilat yang berlaku dan mengakibatkan masalah lalu-lintas di Bandaraya, Kuala Lumpur, memang ada rancangan-rancangan bagi mengatasi keadaan banjir di satu-satu tempat. Sistem salinan yang sedia ada akan diperbaiki berperingkat-peringkat mengikut keperluan dan keadaan masa.

Salah satu rancangannya yang terbesar ialah Rancangan Jabatan Banjir Kuala Lumpur yang telah bermula perlaksanaannya sejak tahun 1976 dan dijangka menelan belanja kesemua sekali sebanyak \$315 juta apabila siap kelak. Salah satu komponen rancangan tersebut ialah membina sistem perparitan utama (trunk drainage system) untuk mencegah banjir kilat. Sistem perparitan utama yang telah disiapkan untuk mengatasi masalah banjir kilat adalah meliputi kawasan-kawasan berikut:

- (i) Jalan Bangsar
- (ii) Batu 4½ Jalan Kelang Lama
- (iii) Jalan Kuchai Lama
- (iv) Sungai Bunus (sehingga Jalan Pekeling dan Sungai Bunus By-Pass).

(b) Peraturan yang ada sekarang untuk membaiki lubang-lubang gali yang digali di jalan-jalanraya oleh pihak Kerajaan dan lain-lain Badan Berkanun adalah setelah satu insiden diterima daripada pihak yang menjalankan kerja-kerja penggalian.

Dalam kawasan Wilayah Persekutuan berlakunya kerja-kerja pembinaan dan pembaikan jalan yang terbengkalai adalah kerana pihak Jabatan Kerja Awam, Dewan Bandaraya tidak mendapat maklumat sama ada kerja-kerja penggalian yang dijalankan oleh pihak yang berkenaan itu telah menyiapkan kerja-kerjanya dengan sempurna. Oleh yang demikian, sehingga salah satu inden diterima daripada pihak yang menjalankan penggalian itu, barulah Jabatan itu dapat menjalankan kerja-kerja membaiki lubang-lubang gali yang telah digali itu.

Sayugia dinyatakan bahawa dalam Wilayah Persekutuan ada lebih kurang 430 batu jalan-jalan awam yang diselenggarakan oleh pentadbiran Dewan Bandaraya, manakala terdapat lebih daripada 30 batu jalan-jalan persendirian yang mana tidak diselenggarakan oleh Dewan Bandaraya, tetapi jika penggalian dijalankan oleh pihak yang tertentu, kerja-kerja membaiknya dijalankan juga oleh pihak Dewan Bandaraya dengan dibiayai oleh pihak yang menjalankan penggalian itu. Dengan adanya lebih kurang 460 batu jalan-jalan dalam Wilayah Persekutuan, maka adalah sukar bagi kakitangan Dewan Bandaraya untuk memeriksa tiap-tiap jalan untuk mengambil tindakan ke atas lubang-lubang gali yang telah digali oleh pihak-pihak yang tertentu dalam masa yang sesingkatnya.

Untuk membolehkan lubang-lubang gali dibaiki dengan serta-merta adalah menjadi tanggungjawab pihak yang menjalankan kerja-kerja penggalian itu untuk memberitahu dan juga mengeluarkan inden ataupun "Works Order" kepada pentadbiran Dewan Bandaraya untuk membaiki lubang-lubang gali itu dengan segera, selepas sahaja kerja-kerja penggaliannya siap.

(c) Majlis Keselamatan Jalanraya di bawah Kementerian Pengangkutan sentiasa mengadakan kempen-kempen keselamatan jalanraya bagi menanam sikap kesedaran keselamatan jalanraya atau "road safety consciousness" di kalangan pengguna-pengguna jalanraya. Kempen-kempen ini dipertingkatkan di peringkat negara dan

peringkat negeri-negeri. Aktiviti-aktiviti kempen termasuklah:

- (i) Memperhebatkan penguatkuasaan oleh Polis dan Jabatan Pengangkutan Jalan;
- (ii) Penyibaran bahan-bahan keselamatan jalan raya;
- (iii) Mengadakan majlis ceramah keselamatan jalan raya (dengan kerjasama pihak Polis dan Jabatan Pengangkutan Jalan);
- (iv) Pengumuman cogankata di Radio dan Televisyen;
- (v) Pemasangan cogankata dan perangkaan kemalangan jalanraya di bandar-bandar.

**Dato' Haji Mahmoud Salim bin Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan lagi daripada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan. Saya berasa hairan daripada penjelasan yang diberikan ini menunjukkan tidak ada kerjasama di antara jabatan-jabatan di dalam Wilayah Persekutuan, lebih-lebih lagi berkenaan dengan jalan. Saya tidak faham apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri tadi, misalnya, dalam bahagian longkang, Jabatan Parit juga bertanggungjawab di samping Dewan Bandaraya sendiri. Jadi, adakah bermakna dengan sebab hendak membuat longkang ini pihak Jabatan Parit dan Talair ada kuasa untuk membuatnya dan pihak Dewan Bandaraya ada kuasa.

Satu pihak lagi, pihak kerjaraya boleh membuat jalan dan pihak LLN boleh menebuk jalan dengan tidak tahu jabatan yang lain. Tidakkah perkara ini satu perkara yang aneh di dalam Wilayah Persekutuan. Jadi, tidakkah menjadi satu perkara yang ajaib, perkara yang selama ini ditebuk lubang di situ dan dibiarakan sehingga dia sendiri pergi menutupnya. Di manakah tanggungjawab Kerjaraya, Kerjaraya yang menyeliakan jalan itu yang tidak boleh di dalam mana-mana jalan besar mestilah Kerjaraya mengawasinya tetapi daripada kenyataan Yang Berhormat Menteri tadi ada jabatan-jabatan lain mengeluarkan tender, dia boleh tebuk jalan itu dengan tidak setahu Jabatan Kerjaraya, kerana terpulanglah

kepada tanggungjawab dia sendiri bila pula hendak pergi kambus. Jadi, saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan, sehingga bila perkara yang seumpama ini akan berlaku di Wilayah. Kalau sekiranya cara-cara yang seumpama ini akan berkekalan sehingga bilakah jalan-jalan di dalam Wilayah Persekutuan ini akan menjadi baik dan pentadbirannya akan menjadi cekap.

**Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu, pada masa ini memang sudah ada satu Jawatankuasa Khas yang terdiri daripada Dewan Bandaraya dan lain-lain jabatan yang berkenaan iaitu Jabatan Kerjaraya, Parit dan Talair dan LLN yang telah bekerjasama untuk mengelokkan jalan-jalan berlubang yang dikorek oleh mana-mana pihak. Namun demikian, terpaksa kerja itu dijalankan secara mengejut di mana ini akan mengambil masa. Walau bagaimanapun, perkara ini memang telah disedari oleh Dewan Bandaraya dan Kementerian dengan segala usaha sebenarnya sudahpun dijalankan untuk mengatasi masalah berkenaan.

**Dato' Ismail bin Hashim:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri oleh sebab kita mempunyai Kementerian Wilayah sendiri dan kita mempunyai Menteri Wilayah Persekutuan dan Kuala Lumpur yang menjadi Ibu Negara kepada Malaysia, dalam masalah kerumitan ini usaha tidak putus-putus dijalankan dari semasa ke semasa, bahkan kita telah mempunyai Kementerian, perkara itu berluasa, ada atau tidak pelan yang sebenar sudah dibuat dalam Wilayah ini untuk memastikan dari segi infrastruktur, perparitan dan sebagainya supaya dapat diatasi dari semasa ke semasa. Oleh sebab kita dapat bahawa tidak ada penyelarasian di antara satu Kementerian dengan satu Kementerian oleh sebab peruntukan-peruntukan itu berlainan. Misal kata, peruntukan LLN, peruntukan air dan sebagainya. Boleh atau tidak diselaraskan di antara Kementerian-kementerian Yang Berhormat dengan Kementerian-kementerian yang bertanggungjawab supaya bila mana hendak dibuat sesuatu saluran

talian elektrik, talian telekom dan talian parit dapat diselaraskan dari semasa ke semasa. Tidak ada perkara gali tutup, gali tutup yang telah berlaku dalam Wilayah ataupun di Semenanjung Malaysia ini terutamanya, boleh atau tidak dua perkara ini diselaraskan.

**Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf:** Tuan Yang di-Pertua, pertama, masalah yang lalu yang telah timbul di mana kerja-kerja terpaksa dibuat ataupun jalan terpaksa digali dengan tidak serentak ialah jalan-jalan yang sudah ada dan ini terpaksa berlaku, tidak dapat dielakkan semua sekali kerana jabatan-jabatan yang terlibat tidak dapat menjalankan kerja-kerja mereka serentak dalam kawasan yang sama kerana jabatan-jabatan yang berkenaan mengikut priority masing-masing. Walau bagaimanapun seperti saya katakan tadi, satu Jawatankuasa Khas telah diadakan dan Jawatankuasa ini pada masa ini adalah sedang berusaha untuk mengkaji bagaimana kita boleh menyelaraskan perkara ini.

Satu daripada perkara yang pada masa ini sedang di dalam cadangan kita ialah pembinaan jalan-jalan baharu di mana apabila kita membina jalan-jalan baharu ini di kiri kanan jalan itu kita akan sediakan saluran khas untuk menyalurkan dawai-dawai elektrik dan juga dawai-dawai lain yang perlu melintasi jalan itu. Untuk makluman Dewan yang mulia ini pada masa ini di Kementerian saya juga sedang mengadakan satu pelan yang dinamakan Pelan Induk yang mana pelan ini tidak lama lagi akan dikemukakan kepada Kabinet dan kemudian akan dikemukakan kepada rakyat untuk mendapat pendapat masing-masing, selepas itu saya rasa baharulah dikemukakan kepada Dewan ini untuk dipertimbangan.

#### **PERBADANAN KEMAJUAN EKONOMI NEGERI—PRESTASI**

**4. Tuan M. Mahalingam** minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan sama ada Menteri berkenaan akan mengambil tindakan mengadakan suatu Pesuruhjaya bertaraf tinggi untuk membuat siasatan atas kegiatan dan latarbelakang keadaan kewangan Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri memandangkan kepada kejatuhan

prestasinya supaya badan tersebut dibentuk menjadi suatu organisasi yang dinamis dan yang menguntungkan.

**Menteri Perusahaan Awam (Datin Paduka Rafidah Aziz):** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin membetulkan tanggapan Ahli Yang Berhormat mengenai prestasi kewangan Perbadanan-perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri (PKEN). Adalah tidak tepat kenyataan Ahli Yang Berhormat bahawa prestasi PKEN-PKEN telah merosot hingga memerlukan satu penyiasatan oleh sebuah Suruhanjaya peringkat tinggi.

Seperti yang telah saya tegaskan berkali-kali di kedua-dua Dewan yang mulia ini, prestasi PKEN-PKEN hendaklah dinilai dari segi sumbangan mereka ke arah pencapaian matlamat pertubuhan masing-masing selaras dengan Dasar Ekonomi Baru. Pencapaian matlamat ini kemudiannya dibandingkan dengan prestasi kewangan masing-masing sebagai panduan untuk mempastikan bahawa prestasi tersebut tercapai melalui aktiviti-aktiviti yang berkesan dan tidak membazirkan wang awam. Di mana penglibatan PKEN-PKEN gagal mencapai matlamat-matlamatnya, tindakan telah diambil bagi menamatkan penglibatan tersebut. Prestasi PKEN sentiasa diawasi oleh Kerajaan dan Kementerian Perusahaan Awam dan saya tidak bercadang untuk melantik sebuah Suruhanjaya peringkat tinggi bagi mengkaji prestasi dan kedudukan kewangan PKEN-PKEN seperti yang disyorkan.

#### RAWATAN PESAKIT JANTUNG

**5. Dr Choo Kooi Fook** minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) jumlah kes-kes penyakit jantung yang melibatkan rakyat Malaysia yang dirawat di Singapura dan Manila pada tahun 1979 dan 1980 dan nyatakan jumlah perbelanjaan yang terlibat dalam hubungan ini; dan
- (b) jumlah pusat jantung yang dicadangkan di negara ini.

**Menteri Kesihatan (Tan Sri Chong Hon Nyan):** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Pada tahun 1979, sejumlah 51 orang pesakit jantung telah dirawat di Manila dan 9 kes di Singapura. Pada tahun 1980 pula seramai 81 orang pesakit jantung telah mendapat rawatan di Manila manakala sebanyak 12 kes telah dirawat di Singapura. Perbelanjaan bagi seorang pesakit untuk mendapatkan rawatan sama ada di Manila atau di Singapura adalah lebih kurang \$12,000.
- (b) Sebagaimana Ahli Yang Berhormat maklum, sebuah Pusat Jantung telahpun ada di negara ini, iaitu di Hospital Universiti, Petaling Jaya. Kementerian Kesihatan pula akan menujuhkan satu 'Pusat Jantung' di Hospital Besar, Kuala Lumpur pada awal tahun 1982. Saya berpendapat bahawa setakat ini 2 buah Pusat Jantung adalah memadai bagi negara ini.

**Dato Ismail bin Hashim:** Soalan tambahan. Saya hendak tahu adakah Kementerian Yang Berhormat buat kajian daripada semasa dalam masalah penyakit jantung ini, kebanyakannya baru timbul penyakit jantung ini, dahulu tak ada, memang tak pasti ada masalah sakit jantung yang begitu hebat sekali. Jadi baru-baru ini oleh sebab ada di Manila, di Singapura maka bertalu-talulah orang kita pergi ke sana tetapi ada juga pesakit-pesakit jantung yang tidak dapat dikesan, maklumlah orang kampung. Adakah pihak Kementerian Yang Berhormat mengkaji dalam masalah ini seluruh negara kita dan ada atau tidak berkemungkinan Kementerian Yang Berhormat untuk mewujudkan satu pusat pembedahan dari segi penyakit jantung ini supaya dapat membolehkan lebih ramai orang-orang kita, rakyat kita ini yang tidak mempunyai wang dapat dikelolakan oleh Kerajaan kita sendiri.

**Tan Sri Chong Hon Nyan:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas cadangan itu. Kebanyakan kes-kes penyakit jantung sekarang ini dikesani oleh kerana meliputi perkhidmatan perubatan di seluruh Malaysia, ini mengakibatkan bahawa kebanyakan kes

yang terdahulunya tidak didapati sebagai penyakit jantung dikesani oleh kerana maklumlah kebanyakannya pesakit-pesakit sekarang ini datang ke perkhidmatan perubatan supaya dapat dirawati dan di situlah boleh kita kesani bahawa mereka ada sakit jantung atau tidak. Terdapat penyakit jantung dahulu juga tetapi oleh kerana tidak mencukupi perkhidmatan perubatan dahulunya tidak dapat kebanyakannya kes dikesan.

**Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah:** Soalan tambahan. Fasal penyakit jantung, Tuan Yang di-Pertua, ini satu masalah dalam tanahair kita ini yang rasa saya juga satu masalah yang mengambil perhatian yang berat juga. Saya suka bertanya, kalau kita baca sedikit hal ehwal seluruh dunia ini kepada umumnya seluruh manusia dalam dunia apa bangsa pun ada kena sakit jantung tetapi nombor satu saya hendak bertanya, dalam Malaysia ini, katalah Melayu, Cina dan India, apa fasal bangsa Melayu ini selalu kena penyakit jantung (*Ketawa*) dan orang Cina saya tengok tak berapa banyak mati sakit jantung. Saya baca suratkhabar, saya hendak perhati orang Cina banyak, kurang pula, kadang-kadang saya tak dengar langsung. Bolehkah Yang Berhormat Menteri menerangkan sebenarnya yang kena sakit jantung yang banyak dalam negeri kita ini orang Melayukah dan apa sebab? Adakah dengan sebab yang tertentu mengikut siri kesihatan yang sebenarnya. Dan apakah jangka panjang ataupun jangka pendek Menteri Kesihatan bagi mengatasi yang boleh pada hemat saya kita gambarkan ke seluruh pelajaran budak-budak sekolah dalam tanahair kita ini supaya memahami dan mengikuti sungguh-sungguh supaya dapat kita mengelakkan wabak penyakit jantung yang bahaya dalam tanahair kita. Bolehkah misalnya Kementerian Kesihatan membuat lagi satu cara-cara menyeluruh yang mengambil jangka panjang pada hemat saya, mungkin 20 tahun, sebabnya kanak-kanak yang ada dalam masa sekolah dapat mereka itu kita serapkan sungguh-sungguh supaya mereka dapat menghindarkan penyakit jantung yang akan jadi bala sebagai penyakit dadah dalam tanahair kita akan datang, sebab nampaknya dalam keadaan-keadaan sekarang di kampung-kampung, bukannya di

bandar sahaja, tiap-tiap hari saya mendengar di kampung saya sendiri kadang-kadang 2 orang, 3 orang apabila ditanya apa sakitnya, dia kata sakit jantung, jadi bolehkah Yang Berhormat menerangkan ini?

**Tan Sri Chong Hon Nyan:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak membawa angka-angka tentang berapakah kaum Cina ataupun kaum Melayu dan kaum India yang mengidap sakit jantung ini tetapi ini tidak kira kaum. Penyakit jantung jikalau hendak datang siapa pun boleh dapat penyakit jantung tetapi apa yang jadi masalah sekarang ini ialah walaupun Kementerian Kesihatan dahulunya sudah mengadakan beberapa rancangan mencegah wabak penyakit seperti TB, Malaria dan sebagainya dengan ada berkesan, dengan berhasil yang baik. Barubaru sahaja nampak jugalah ada satu tekanan kesihatan yang baru disebabkan barangkali oleh kerana pembangunan yang pesat, orang yang tidak berapa jaga diri sendiri tentang apa yang mereka makan, mereka merokok, mereka minum dan sebagainya. Ini boleh jadi menyebabkan penyakit jantung yang datang kepada masyarakat. Satu perkara lagi yang saya sentuh di sini ialah oleh kerana rancangan-rancangan kesihatan dahulu seorang individu Malaysia perempuan ataupun lelaki had panjang mereka sudah dipanjangkan dan ada juga orang separuh umur yang lebih daripada yang dahulunya dan mereka bolehlah dapat tekanan cardiovascular ini yang lebih juga, oleh kerana itu barangkali angka-angka individu yang mengidapi penyakit jantung meningkat sekarang ini.

**Dr Choo Kooi Fook:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat Menteri sudah menyatakan bahawa kita akan ada dua pusat jantung di negara kita, jadi saya khuatir dengan ada kedua-duanya ini mutunya akan sahaja sederhana. Saya hendak tahu dari Yang Berhormat Menteri bukankah lebih baik kalau kita menujuhkan satu pusat sahaja, dengan itu kita harap tenaga dan wang semua ditumpukan ke situ menyebabkan pusat itu setanding dengan yang berada di Singapura ataupun di Manila?

**Tan Sri Chong Hon Nyan:** Tuan Yang di-Pertua, cadangan itu tidak wajar oleh kerana

dari pengalaman lain-lain negara jika sesebuah pusat jantung mengadakan kes-kes setiap hari untuk diubati dan dirawati dan supaya pakar-pakar pembedahan boleh membuat pembedahan, unit itu tidak menjadi viable, mereka mesti mengadakan dua tiga kes sehari ataupun satu kes sekurang-kurangnya dalam seminggu, sebelum pusat itu boleh mengadakan satu taraf yang tinggi. Itu dari segi pengalaman profesional, tetapi ada dua pandangan di sini: satu unit ditubuhkan di Universiti Malaya atau Universiti Hospital yang mana pusat itu bukan sahaja menjalankan pembedahan pesakit jantung tetapi mereka membuat kajian atau research. Pusat yang lain kita akan menubuhkan di Hospital Besar Kuala Lumpur ialah semata-mata memberi khidmat. Jadi ada dua tujuan oleh kerana itu kita merancangkan supaya diadakan dua buah unit rawatan jantung di negara ini.

## HARI KEBANGSAAN

**6. Dato' Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad** minta Menteri Pelajaran menyatakan mengapa pihak Kementerian tidak memerintah supaya sambutan perayaan Hari Kebangsaan dibuat di tiap-tiap sekolah, lebih-lebih lagi di sekolah-sekolah ménengah di seluruh negara.

**Menteri Pelajaran (Dato' Dr Sulaiman bin Haji Daud):** Tuan Yang di-Pertua, perayaan Hari Kebangsaan adalah disambut di peringkat daerah, negeri dan kebangsaan. Guru-guru dan murid sekolah adalah terlibat secara langsung dalam sambutan-sambutan yang diadakan itu. Cuti am untuk sambutan Hari Kebangsaan adalah sehari sahaja. Murid-murid dan guru tidak dapat mengadakan sambutan di peringkat sekolah oleh kerana mereka telah mengambil bahagian di peringkat daerah, negeri dan kebangsaan.

**Dato' Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad:** Baru-baru ini, Tuan Yang di-Pertua, di Kuala Trengganu di peringkat sekolah menengah sebuah sekolah sahaja yang saya tahu yang menyambut Hari Kebangsaan iaitu Sekolah Vokasional. Saya tahu kerana saya dijemput sama supaya

memberi ceramah. Apakala saya bertanya, dia kata tak ada perintah daripada pihak Kementerian. Jadi saya hendak bertanya kepada pihak Kementerian oleh kerana menyambut Hari Kebangsaan yang berupa setahun sekali, benar sebagaimana kata Menteri iaitu pada hari 31hb Ogos, satu hari sahaja, tetapi tidak bererti mesti di sekolahpun menyambut pada hari itu kerana dia terpaksa hadir upacara di padang dan sebagainya kerana disambut cara besar-besaran. Maksud saya bagi sesebuah sekolah, lebih-lebih lagi sekolah menengah perayaan kebangsaan, cintakan tanahair dan mengetahui sejarah tanahair itu diperkemas dan diasuh dalam sanubari pelajar kita, lebih-lebih lagi pada peringkat sekolah menengah. Kalau tidak, saya rasa dukacita dan oleh itu saya berharap pihak Kementerian tidak boleh mengabaikan tugas yang begini besar, perkara ini mesti diperintahkan tiap-tiap sekolah menengah mengadakan sambutan itu.

**Dato' Dr Sulaiman bin Haji Daud:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa cadangan Ahli Yang Berhormat itu adalah baik juga dan insya Allah saya akan menimbalangkan cadangan ini sebagai usaha kita menanamkan lagi semangat kebangsaan dan cintakan tanahair di kalangan anak-anak atau pelajar negara kita.

## AHLI BOMBA—TINDAKAN

**7. Dato' Yap Peng** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa ada laporan yang mengatakan bahawa ahli-ahli Bomba didapati mencuri barang-barang berharga semasa mereka menyelamatkan rumah-rumah yang terbakar dan jika sedar, apakah tindakan beliau akan ambil supaya nama baik Perkhidmatan Bomba Malaysia tidak tercemar.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Abdul Jalal bin Abu Bakar):** Tuan Yang di-Pertua, sehingga masa ini belum ada laporan dan aduan-aduan yang diterima oleh Kementerian saya dari mana-mana pihak di negara ini yang mengatakan bahawa sebilangan ahli-ahli bomba mencuri barang-barang yang bernilai

sewaktu mereka menjalankan tugas memadamkan kebakaran. Untuk makluman Yang Berhormat, saya percaya soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat itu adalah berpunca daripada berita yang tersiar di dalam akhbar Straits Times bertarikh 25hb Ogos, 1981 mengenai satu kebakaran yang berlaku di Ipoh di mana dikatakan sebahagian anggota bomba telah memecah peti besi dan juga menyembur air kepada orang ramai. Kenyataan akhbar tersebut menyentuh nama baik Perkhidmatan Bomba dan kakitangannya. Begitu juga dengan pandangan orang ramai terhadap Perkhidmatan Bomba.

Jabatan Bomba telahpun mengambil tindakan menyiasat sama ada berita yang terkandung di dalam akhbar Straits Times itu benar atau tidak. Pada 27hb Ogos, 1981 Ibu Pejabat telahpun mengarahkan Pengarah Perkhidmatan Bomba Negeri Perak untuk menyiasat dengan teliti di atas tuduhan yang disiarkan itu. Dalam siasatan yang dilaksanakan didapati tuduhan dan tohmahan-tohmahan yang dinyatakan itu adalah tidak benar sama sekali.

Sebagai buktinya, surat daripada Managing Director, Eastern Union Rubber Product Sdn. Bhd. yang dengan sendiri menerangkan maksudnya bahawa tidak ada apa-apa kecurian berlaku. Sebaliknya, beliau telah mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih diatas perkhidmatan Bomba bagi menyelamatkan harta-benda syarikat tersebut.

Untuk mengelakkan tohmah, syak wasangka ataupun tuduhan yang tidak berasas dan bagi menjaga nama baik Perkhidmatan Bomba perintah tetap telahpun dikeluarkan untuk dipatuhi oleh semua pegawai dan anggota bomba dalam operasi kebakaran, di antaranya:

- (i) Seseorang pegawai atau anggota bomba tidak boleh membawa wang pada masa masuk bertugas atau mempunyai wang yang kadarnya sepanjang masa bertugas itu melebihi \$9.99 sen.
- (ii) Seseorang pegawai atau anggota perlu membawa atau mempunyai wang lebih daripada jumlah yang

dibenarkan semasa bertugas, maka dia hendaklah memberitahu kepada pegawai atau ketuanya dengan menyatakan jumlah dan sebab-sebabnya perlu dia membawa wang tersebut.

- (iii) Mempunyai wang yang lebih dari had yang dibenarkan pada hari gaji tidak akan dianggap atau dikira sebagai melanggar perintah ini.
- (iv) Seseorang pegawai atau anggota tidak boleh membawa atau memakai barang-barang emas, perak, intan dan sebagainya yang dianggap bernilai kecuali seutas jam tangan, jam sakу tidak dibenarkan, sebatang pen dan pemetik api yang ke semuanya sudah diketahui umum kepunyaannya.
- (v) Apa-apa wang yang dijumpai di tempat kebakaran atau apa juga barang perlu diambil atau dikeluarkan untuk diselamatkan hendaklah diserahkan atau dimaklumkan kepada pegawai atau ketuanya secepat mungkin.

(6) Penyerahan wang yang dijumpai di tempat kebakaran atau apa-apa juga barang lain sama ada kepada tuanpunya ataupun pihak Polis hanya boleh dibuat oleh pegawai yang paling kanan di tempat kebakaran itu setelah dicatitkaif butir-butirnya.

(7) Pegawai yang mengetuai setiap pasukan yang pergi operasi mencegah kebakaran hendaklah menjalankan pemeriksaan ke atas ahli-ahli dan kereta-kéreta bomba setiap kali balik dari operasi kebakaran yang melibatkan harta-benda untuk menentukan tidak ada wang atau barang-barang apa juga yang bukan kepunyaan pasukan atau ahli bomba itu sendiri.

**Tan Sri Dato' Haji Abdul Razak bin Husain:** Saya sukacita jika Yang Berhormat Timbalan Menteri menerangkan soal ini sebagaimana yang diterangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi terbit dari laporan akhbar di Ipoh pada 25hb Ogos. Adakah penafian telah dibuat oleh Kementerian atau Jabatan Bomba, Perak bagi pengetahuan umum?

**Dato' Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar:**  
Saya minta ulang sekali lagi.

**Tan Sri Dato' Haji Abdul Razak bin Husain:** Soalan tambahan saya, Tuan Yang di-Pertua, begini. Berita ahli bomba mencuri itu satu perkara yang sangat memalukan kita, lebih-lebih lagi dibangkitkan dalam Dewan yang mulia ini sedangkan khidmat bomba kita tahu sangat tinggi nilainya sehingga kadangkala nyawa mereka terkorban. Terbit soalan ini Timbalan Menteri menyatakan bahawa terbit dari suratkhabar mengenai kebakaran pada 25hb Ogos, di bandar Ipoh. Itulah sebabnya soalan ini timbul. Itu anggapan daripada Yang Berhormat Menteri. Kalau sudah tahu, sudah disiasat bahawa tidak ada berlaku kejadian Bomba mencuri, adakah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan juga Yang Berhormat Timbalan Menteri yang bertanggungjawab serta pegawai-pegawai yang berkenaan dalam negeri itu membuat penafian bahawa Bomba tidak melakukan perkara itu, ini yang saya mohon dapat penjelasan.

**Dato' Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya kurang pasti sama ada pihak yang berkenaan yang disebutkan oleh Yang Berhormat telah menafikan berita ini, tetapi bagi makluman Ahli Yang Berhormat soalan yang serupa dan jawapan yang serupa telahpun diberikan di Dewan Rakyat yang berita itu telah diambil oleh suratkhabar-suratkhabar di negara ini.

**Tan Sri Dato' Haji Abdul Razak bin Haji Husain:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya minta maaf Yang Berhormat Timbalan Menteri, perkara ini adalah public diketahui ramai, kalau diisyiharkan di Dewan Rakyat yang Ahlinya 154 orang sahaja yang tahu, tetapi perkhabaran Bomba mencuri ini serata Malaysia tahu, jadi Kementerian patutlah menafikan untuk menjaga nama baik dan maruah Perkhidmatan Bomba negara kita.

**Dato' Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas ingatan Ahli Yang Berhormat itu, insya Allah di masa akan datang saya akan menentukan supaya jika ada berita seumpama ini akan

dijawab dan untuk hendak memberitahu masyarakat atau orang ramai perkara yang serupa itu tidak sekali-kali benar berlaku.

#### **PERJUMPAAN BEKAS KETUA-KETUA NEGARA KAMPUCHEA DI SINGAPURA**

**8. Tuan K. Kumaran** minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (a) peranan yang dimainkan oleh Malaysia dalam menganjurkan perjumpaan bekas ketua-ketua negara Kampuchea di Singapura baru-baru ini; dan
- (b) sama ada Malaysia menyokong persetujuan yang telah dicapai antara mereka dalam perjumpaan tersebut.

**Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Dato' Mokhtar bin Haji Hashim):** Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Menteri Luar Negeri saya ingin menjawab soalan ini iaitu Malaysia bersama-sama negara-negara ASEAN yang lain menggalakkan Ketua Tiga Kumpulan supaya berkerjasama untuk menubuhkan sebuah Kerajaan Campuran di Kampuchea. Ketua-ketua Tiga Kumpulan ini ialah Son Sann daripada Barisan Pembebasan Kebangsaan Rakyat Khmer, Norodom Sihanouk daripada Moulinaka dan juga Khiew Samphan daripada Khmer Rouge. Dengan wujudnya Kerajaan Campuran ini maka tidaklah boleh dikatakan bahawa pihak Khmer Rouge sahaja yang mewakili Kerajaan Demokratik Kampuchae, tetapi termasuk juga golongan rakyat Kampuchea yang lainnya yang menentang Rejim Boneka Heng Samrin dan tentera-tentera Vietnam.

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum Ketua Ketiga-tiga Kumpulan itu telah menyatakan di Singapura hasrat mereka untuk menubuhkan Kerajaan Campuran Demokratik Kampuchea dan telah menubuhkan satu Jawatankuasa Bertindak secara *ad hoc* untuk membincangkan syarat-syarat dan peraturan-peraturan menubuhkan Kerajaan campuran itu. Setelah beberapa kali Jawatankuasa Bertindak tersebut bermesyuarat dan tidak dapat menghasilkan sesuatu persetujuan yang konkret, maka Ketua-ketua Ketiga-tiga Kumpulan itu telah bersetuju untuk menimbangkan satu cadangan baru dari Singapura dan Thailand

iaitu supaya mereka memupuk usaha setakat mewujudkan satu Kerajaan Campuran sementara sahaja dan mengambil tindakan semata-mata untuk:

- (i) Mencari jalan bagi pengunduran tentera Vietnam daripada Kampuchea dengan menggunakan tekanan politik, diplomatik dan juga ketenteraan; dan
- (ii) Penentuan nasib sendiri oleh rakyat Kampuchea menerusi satu pilihanraya yang diawasi oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu. Selepas tentera Vietnam dapat diundurkan dan pilihanraya diadakan. Kerajaan Campuran longgar ini akan dibubar dengan sendirinya.

Malaysia mengalu-alukan cadangan baru tersebut kerana ini adalah selaras dengan matlamat dan tujuan deklarasi Persidangan Antarabangsa mengenai Kampuchea pada bulan Julai yang lalu. Pada pendapat kita deklarasi tersebut boleh menjadikan asas untuk mencapai penyelesaian politik bagi masalah Kampuchea. Sekarang ini nampaknya Kelompok Son Sann dan Sihanouk telah bersetuju dengan cadangan baru ini dan harapan sekarang ialah Kelompok Khmer Rouge akan bersetuju juga kelak.

**Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah:** Soalan tambahan. Masalah Kampuchea ini sangat menarik perhatian saya oleh sebab di sini adalah pintu yang merbahaya pada tanahair kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya kurang faham terhadap kerajaan Singapura dan kita yang mempunyai sekelompok dalam ASEAN iaitu Singapura, Malaysia, Indonesia, Filipina dan Thailand. Tetapi mengapa kita dan Singapura sahaja dan mengapa Indonesia tidak bersama dalam soal ini secara tegas. Pada pandangan saya apa-apa yang hendak dijalankan oleh Singapura atau Malaysia kalau kita sudah mengisyiharkan ke seluruh dunia bahawa kita tetap tegas, kita berdiri sama jarak, sama panjang dan sama pendek, pada siapa dan Kerajaan mana dalam dunia ini pada pendapat saya kita harus tegas dan tujuhan kepada mereka walau apa akan jadi. Tetapi

saya bimbang apabila masalah Singapura menganjurkan ini dalam Kelompok Lima Serangkai sendiri saya nampak masih samar-samar terutama sahabat kita Indonesia yang mempunyai 140 juta penduduk dalam kelompok ini tidak tegas.

Jadi, adakah ini benar-benar memberi kebaikan dan berguna kepada ASEAN dan komplikasi, mungkin satu hari kelak misalnya komunis; saya tidak peduli apa komunis sama ada Cina atau Russia dia juga hendak campur dalam Malaysia ini ada tali-menali dengan komunis Negeri China. Misalnya apa yang berlaku di seluruh dunia yang beratus tahun dahulu dan apa yang dibimbangkan oleh ahli-ahli pemimpin dalam negara-negara yang sebenarnya dapat memandang seluruh dunia apa yang berlaku di negeri luar, tetapi di negeri ini juga mungkin mendapat perhatian yang sedalam-dalamnya.

Saya suka mengingatkan kepada Yang Berhormat Menteri Luar Negeri khasnya hendaklah hati-hati dan saya rasa kalau tersilap antara negeri kita dan Kampuchea ini boleh merosakkan balik kelompok seluruh ASEAN. Apa yang dipandang kita tetap berdiri sama tinggi, sama tegak, sama pendek, tetapi sekarang walaupun pada umumnya semua kita menyokong sebab kita setahap dan mempersetujui supaya jangan Kampuchea jatuh kepada komunis agar dia dapat kita selamatkan. Saya selalu bertanya mengapa Kampuchea tidak mengambil masuk ke dalam Kelompok ASEAN, mengapa? Kalau dia masuk secara terus-terang kita ada bersama boleh kita terus-terang dalam hal ini.

Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya pendek sahaja (*Ketawa*). Bolehkah Yang Berhormat Menteri Luar Negeri memberi jaminan sebenarnya Kelompok Lima Negara ASEAN yang bersatu itu sama-sama sekarang bersetuju berdamai ataupun dua atau tiga negara sahaja dalam ASEAN. Terima kasih.

**Dato Mokhtar bin Haji Hashim:** Tuan Yang di-Pertua, ingatan yang ingin disampaikan oleh Yang Berhormat Senator itu kepada Menteri Luar Negeri akan saya sampaikan.

Mengenai pandangan Ahli Yang Berhormat dan ulasan yang begitu panjang tadi sebelum soalan yang pendek, saya jangka perlu saya jelaskan sedikit di sini supaya, jangan timbul sebarang kekeliruan sama ada di kalangan negara-negara anggota ASEAN sendiri ataupun pihak negara-negara antarabangsa.

Di sini sungguhpun mesyuarat yang telah membawa kepada keputusan mewujudkan suatu Kerajaan Campuran yang terdiri daripada Tiga Kumpulan yang saya sebut tadi telah di adakan di Singapura, tetapi tindakan yang dibuat iaitu adanya mesyuarat itu di Singapura adalah dengan persetujuan dan pengetahuan anggota-anggota negara ASEAN dalam mana kita telah membincangkan tindakan-tindakan yang sesuai yang boleh sama-sama difikirkan dan diusahakan untuk melangkah ke hadapan terhadap tercapainya matlamat kita bagi mendatangkan keamanan, kestabilan di rantau ini khususnya selara dengan ketetapan Persidangan di Bangsa-bangsa Bersatu.

Di sini janganlah kita kelirukan bahawa jika lau sesebuah negara itu menjadi tuan rumah bermakna empat buah negara-negara yang lain yang tidak menjadi tuan rumah itu tidak menyokong. Umpamanya sekarang ini Jawatankuasa Bertindak yang saya sebutkan tadi sedang mengadakan mesyuarat mereka di sebuah negara yang lain pula iaitu di Thailand. Ini tidak bermakna bahawa 4 anggota negara ASEAN yang lain itu tidak bersama tentang usaha-usaha yang sedang berjalan ini.

Tuan Yang di-Pertua, itulah sahaja sebagai penerangan saya terhadap apa yang telah ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat itu dan ingin saya tegaskan bahawa langkah kita ini memangnya telah dapat memberi suatu pandangan masyarakat antarabangsa yang kita iaitu negara-negara ASEAN makin lama makin rapat hubungan dan kerjasama kita.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, waktu sudah cukup.

*(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 9 hingga 23 adalah di beri di bawah ini).*

#### PERLEMBAGAAN/RUKUNEGARA— TINDAKAN TERHADAP PENENTANG

**9. Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan apakah tindakan berkesan yang beliau telah dan akan diambil terhadap orang-orang yang menentang Perlembagaan dan Rukun Negara terutama sekali mengenai perkara-perkara yang menyentuh hak istimewa, ugama, bahasa, kedaulatan Raja-raja dan Dasar Pelajaran Kebangsaan.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Abdullah bin Abdul Rahman):** Kerajaan memang sedar adanya orang-orang yang menimbulkan issu-issu yang sensitif seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu demi kepentingan diri atau golongannya.

Suka saya tegaskan di sini bahawa sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum di dalam sebuah negara demokrasi seperti negara kita ini kebebasan bercakap dan mengeluarkan pendapat adalah dijamin oleh perlembagaan negara. Namun begitu, kebebasan yang diberikan itu ada mempunyai batas-batas tertentu sebagaimana yang ditetapkan oleh undang-undang yang sedia ada seperti perlembagaan sendiri, Akta Hasutan, Akta Rahsia Rasmi, Akta Pilihanraya dan Akta Keselamatan Dalam Negeri.

Kerajaan adalah sentiasa mengawasi kegiatan-kegiatan semua pihak dan jika sekiranya didapati percakapan atau tindakan seseorang itu menyalahi undang-undang yang ada atau boleh mengancam keadaan ketenteraman awam atau keselamatan negara maka Kerajaan tidak teragak-agak untuk mengambil tindakan selaras dengan peruntukan-peruntukan undang-undang yang ada itu.

Patut saya jelaskan di sini bahawa sesiapa yang mempersoal atau mempertikaikan perkara-perkara yang sensitif seperti hak istimewa orang-orang Melayu, Kerakyatan dan Bahasa Kebangsaan, ianya melakukan suatu kesalahan serius yang boleh dihukum di bawah Akta Hasutan 1948 (disemak 1969).

## RANCANGAN PERUMAHAN BAGI PEKERJA ESTET

**10. Tuan M. Muthupalaniappan** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:

- (a) sama ada beliau berpuashati dengan kejayaan rancangan perumahan bagi pekerja-pekerja estet sejak rancangan ini diumumkan pada tahun 1974; dan
- (b) sama ada beliau akan meletakkan tanggungjawab perlaksanaan rancangan ini di bawah satu Kementerian Khas.

### Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Dr. Neo Yee Pan):

(a) Terdapat ada berlaku sedikit kelewatan di dalam perlaksanaan Skim Memiliki Rumah sendiri Pekerja-pekerja di ladang-ladang dan lombong-lombong. Sejak tahun 1976, iaitu semasa Tabung Wang Pusingan ditubuhkan, tiga projek telah dilaksanakan dengan jayanya di tiga buah estet yang mana telah dapat membina sejumlah 450 buah rumah untuk dimiliki sendiri oleh pekerja-pekerja. Beberapa projek yang lain masih di dalam peringkat prosesan dan perancangan. Di Negeri Selangor, sebanyak tiga buah ladang telah menandatangani Surat Perse-tujuan (Letter of Understanding) dengan Kerajaan Negeri untuk melancarkan skim ini. Sementara itu, di Negeri Sembilan pula, sebanyak tiga buah ladang lagi telah juga menandatangani surat-surat yang sama untuk melaksanakan skim tersebut. Skim perumahan untuk pekerja-pekerja lombong di Sungai Way Dredging Bhd. yang sekarang ini diuruskan oleh Supreme Corporation telahpun dimulakan untuk pembinaan kira-kira 450 buah rumah pekerja.

Berbagai masalah telah menghalang perlaksanaan skim-skim ini. Masalah-masalah yang berhubung dengan pinjaman wang yang tidak cukup, kelulusan-kelulusan untuk pertukaran syarat tanah dan pemecahan lot telah melewatkhan beberapa projek tersebut.

Walau bagaimanapun, sebahagian besar dari masalah-masalah yang dihadapi itu telah dapat diatasi dan dengan itu dijangka

perlaksanaan skim tersebut dapat dipercepatkan lagi di masa-masa yang akan datang.

(b) Mengikut amalan sekarang, Tabung Wang Pusingan Pinjaman Perumahan untuk golongan pendapatan rendah, dikelolakan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Perlaksanaan skim tersebut bagi pekerja-pekerja ladang dan lombong di selaraskan oleh Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat. Didapati sistem yang digunakan sekarang adalah memuaskan.

### LAWATAN LONDON CHAMBER OF COMMERCE AND INDUSTRY KE MALAYSIA

**11. Tuan Syed Kamarulzaman bin Syed Bahaldin** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama ada rombongan perniagaan The London Chamber of Commerce and Industry (LCC) membatalkan lawatannya ke Malaysia baru-baru ini disebabkan oleh kenyataan Y.A.B. Perdana Menteri mengenai pengeluaran tender kepada sesebuah badan perniagaan British atau atas sebab-sebab lain, dan jika ya, minta jelaskan.

**Dato' Shahrir bin Abdul Samad:** Saya tidak dapat mempastikan sama ada pembatalan lawatan rombongan perniagaan anjuran London Chamber of Commerce and Industry ke Malaysia baru-baru ini adalah disebabkan oleh kenyataan Y.A.B. Perdana Menteri atau atas lain-lain sebab.

Kementerian Perdagangan telah tidak dihubungi secara resmi oleh pihak British mengenai lawatan rombongan tersebut tetapi dalam pertemuan Y.B.M. Menteri Perdagangan dan Perindustrian dengan Mr. Peter Rees, Menteri Perdagangan British semasa beliau melawat Kuala Lumpur tidak lama dulu, beliau ada menyebut secara lalu, mengenai rancangan beberapa rombongan perdagangan dari Britain akan melawat Malaysia.

Kementerian saya juga hanya mengetahui mengenai pembatalan lawatan rombongan London Chambers of Commerce tersebut melalui berita akhbar tempatan. Dan mengikut apa yang dilaporkan, pihak pengajur rombongan tersebut telah menangguhkan lawatan tersebut ke satu

tarikh kemudian yang belum ditetapkan, memandangkan mereka perlu mengkaji keadaan baru yang timbul, mengikut tafsiran mereka, berikutan dengan arahan Y.A.B. Perdana Menteri.

#### **BARANG IMPORT KEDUTAAN ASING/JABATAN KERAJAAN—PEMERIKSAAN DAN CUKAI**

**12. Puan Hajjah Salma binti Sheikh Hussain** minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada pihak Kastam dan Eksais di Raja Malaysia:

- (a) memeriksa dan mengenakan cukai atas barang-barang yang dibawa masuk ke dalam negeri ini oleh Kedutaan-kedutaan Asing; dan
- (b) memeriksa dan mengenakan cukai ke atas barang-barang yang diimport oleh jabatan-jabatan kerajaan.

**Menyatakan Menteri Kewangan (Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah):**

- (a) Pihak Kastam sentiasa melakukan pemeriksaan ke atas setiap barang yang dibawa masuk ke dalam negeri ini oleh kedutaan-kedutaan asing. Walau bagaimanapun, barang-barang yang diimport oleh kedutaan asing adalah dikecualikan dari cukai-cukai seperti yang diperuntukkan di bawah Diplomatic and Consular Privileges Ordinance 1957.
- (b) Pihak Kastam juga sentiasa memeriksa ke atas barang-barang yang diimport oleh jabatan kerajaan. Tetapi jabatan-jabatan kerajaan adalah juga dikecualikan daripada semua cukai-cukai atas barang-barang yang diimport oleh mereka di bawah Perintah Duti Kastam (Pengecualian) 1977.

#### **GURU-GURU PELATIH DI MAKTAB PERGURUAN**

**13. Datuk G. Pasamanickam** minta Menteri Pelajaran menyatakan jumlah bakal guru yang kini dalam Latihan Perguruan mengikut pecahan kaum.

**Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud:** Pada masa ini terdapat 11,907 orang guru pelatih

yang mengikuti kursus Asas di dalam 26 buah Maktab Perguruan di seluruh Negara. Daripada jumlah ini 8,690 orang terdiri daripada kaum Bumiputra, 2,692 orang kaum China, 475 orang kaum India dan 50 orang kaum-kaum lain.

#### **MAS—PERKHIDMATAN AIRBUS**

**14. Tuan Alexander Lee** minta Menteri Pengangkutan menyatakan sejak MAS menggunakan kapal terbang jenis 'Airbus' di dalam 'perkhidmatan biasanya berapa peratuskah penerbangan-penerbangan 'Airbus' yang telah kelambatan lebih dari 15 minit menurut jadual penerbangan.

**Menteri Pengangkutan (Dato' Lee San Choon):** Semenjak perkhidmatan 'Airbus' dimulakan pada bulan November 1979 hingga sekarang, peratusan penerbangan yang tergendala ialah lebih kurang 25%.

#### **PROJEK MINI HIDRO**

**15. Tuan V. V. Aboo** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan:

- (a) sama ada beliau bercadang untuk melaksanakan rancangan-rancangan letrik mini hidro di negara ini;
- (b) jika ada, apakah hasil yang telah dicapai di dalam perlaksanaan rancangan letrik mini hidro ini; dan
- (c) sama ada beliau akan terus mempergiat dan memperbanyakkan lagi projek mini hidro seumpama ini untuk menampung keperluan tenaga letrik di negara ini.

**Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Datuk Leo Moggie anak Irok):** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek-projek mini hidro kini sedang dilaksanakan dan bagi tahun 1981 dan 1982 sebanyak 22 projek akan dilaksanakan. Setakat ini satu projek telahpun disiapkan iaitu projek mini hidro di Sg. Chepir dan 2 lagi projek dijangka akan dapat disiapkan dalam sedikit masa lagi. Beberapa projek pula sedang dalam berbagai peringkat perlaksanaan seperti di peringkat tender dan di peringkat permulaan perlaksanaan dan sebagainya.

Sememangnya pihak Kementerian saya akan meneruskan projek-projek ini dan kini 3 buah firma consultant sedang membuat kajian di atas 102 projek mini hidro di seluruh Malaysia iaitu 82 projek di Semenanjung Malaysia dan 20 di Sabah dan Sarawak. Firma consultant yang dimaksudkan ialah Shawinigan untuk barat Semenanjung Malaysia, Stanley untuk timor Semenanjung Malaysia dan Enex untuk Sabah dan Sarawak. Jika tapak-tapak ini didapati sesuai, maka projek mini hidro akan dibangunkan di tempat-tempat itu.

#### KILANG PENAPIS PETROLIAM DI TRENGGANU/MELAKA

**16. Dato Haji Mohd Nor Mohamad** minta Perdana Menteri menyatakan tarikh yang dijangka kilang penapis petrolium di Melaka dan di Trengganu akan memulakan penge- luaran, anggaran jumlah modal digunakan untuk tiap-tiap kilang, sumbangan wang dari segi modal tetap dan pinjaman daripada tiap-tiap pihak peniaga bersama dan anggaran pengeluaran minyak sehari.

**Dato Abdullah bin Abdul Rahman:** Kilang-kilang penapis di Trengganu dan Melaka masing-masing dijangka akan memulakan operasi menjelang tahun 1983 dan 1987. Anggaran pelaburan modal bagi kilang penapis di Trengganu adalah \$365 juta manakala kilang penapis di Melaka dijangka menggunakan modal sebanyak \$1.6 ribu juta. Kilang penapis di Trengganu yang berkeupayaan menapis 30,000 tong sehari akan dipunyai dan dibiayai sepenuhnya oleh Petronas, manakala kilang penapis di Melaka akan mempunyai keupayaan menapis 120,000 tong sehari. Butir-butir mengenai struktur pinjaman dan ekuiti kilang penapis di Melaka masih belum ditentukan lagi.

#### SEKATAN BUKAN WARGANEGARA BELI RUMAH

**17. Tuan Ishak bin Abdul Rahman** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sama ada Kerajaan bercadang hendak mengadakan undang-undang untuk menyekat bukan warganegara daripada memiliki rumah.

**Dato' Dr Neo Yee Pan:** Tiada cadangan daripada Kerajaan untuk mengadakan undang-undang bagi menyekat orang-orang bukan warganegara daripada membeli rumah kerana pada masa ini perkara ini adalah tidak perlu dilakukan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat di bawah undang-undang tanah sekarang sesiapa pun boleh membeli rumah atau memiliki rumah dan tanah di Malaysia ini kecuali bagi tanah-tanah yang dikhaskan bagi tujuan yang tertentu. Dalam hal ini tanah-tanah yang diisytiharkan sebagai 'Malay Reserve' dan juga tanah-tanah yang dimajukan di bawah 'Group Alienation Scheme' tidak boleh dijual kepada orang-orang asing.

#### ROMPAK/SAMUN DI BANDAR-BANDAR —LANGKAH MEMBENTERAS

**18. Datuk Ismail bin Hashim** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan apakah tindakan yang berkesan sedang dirancang untuk mengelakkan rompak/samun dari berleluasa di pusat-pusat Bandar khususnya di Semenanjung Malaysia.

**Dato' Abdullah bin Abdul Rahman:** Kajian daripada angka-angka kes samun semenjak tahun 1979 menunjukkan bahawa bilangan-nya adalah bertambah tetapi keadaan-nya adalah masih terkawal.

Langkah-langkah untuk membenteras kejadian samun adalah termasuk dalam langkah-langkah menentang jenayah pada keseluruhannya. Antaranya ialah meningkatkan serbuan-serbuan serta pem-riksaan mengejut di tempat-tempat yang disyaki sebagai sarang penjenayah serta memperhebatkan lagi rondaan-rondaan di kawasan-kawasan yang tertentu.

Langkah-langkah jangka panjang yang sedang dijalankan ialah mengambil anggota-anggota polis baru seramai 11,000 orang setahun sehingga mencapai matlamat 120,000 orang. Jabatan Siasatan Jenayah adalah sedang diperbesar dan diper- kemaskan, khasnya Cawangan Anti Dadah kerana dadah adalah didapati merupakan salah satu punca berlakunya perbuatan-perbuatan jenayah termasuk rompak/samun.

Di bandar-bandar seperti Kuala Lumpur, Pulau Pinang, Ipoh, Johor Bahru dan lain-lain, pihak Polis akan memperkenalkan rondaan motosikal ala 'CHIPS' lengkap dengan alat-alat hubungan. Di samping rondaan yang dilakukan oleh kereta peronda berjalan seperti biasa, rondaan berjalan kaki juga akan ditambah.

Di tempat-tempat perniagaan yang melibatkan wang tunai dan barang-barang berharga seperti bank dan kedai-kedai emas, pengawasan dan rondaan yang lebih rapi akan diadakan oleh anggota-anggota Polis yang beruniform dan tidak beruniform. Mereka ini akan dibekalkan dengan senjata yang lengkap.

Dengan tindakan-tindakan yang disebutkan itu serta dengan kerjasama orang ramai adalah diharap kejadian-kejadian rompakan akan dapat dibentras.

#### **KLINIK KESIHATAN BERGERAK**

**19. Tuan S. Subramaniam** minta Menteri Kesihatan menyatakan langkah-langkah yang diambil untuk mengadakan kemudahan-kemudahan kesihatan seperti klinik kesihatan dan pergigian bergerak (Mobile Health and Dental Clinic) di ladang-ladang.

**Tan Sri Chong Hon Nyan:** Saya suka memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa kebanyakan ladang-ladang sedang dibekalkan dengan perkhidmatan klinik kesihatan bergerak. Di samping itu, penduduk-penduduk di ladang-ladang boleh mendapat rawatan pergigian dari klinik-klinik pergigian di Pusat Kesihatan yang berhampiran. Bagi sekolah-sekolah di ladang-ladang, perkhidmatan pergigian diberi melalui Pasukan Pergigian Bergerak dan Klinik Pergigian Bergerak.

Kemudahan perkhidmatan perubatan dan kesihatan di ladang-ladang adalah wajib diperbekalkan oleh pihak pengurusan ladang-ladang di bawah "Rump Labour Code" yang ditadbirkan oleh Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat. Walau bagaimanapun, dengan perkembangan perkhidmatan kesihatan luar bandar yang merangkumi kebanyakan kawasan-kawasan ladang dan

penduduknya, maka liputan perkhidmatan perubatan, kesihatan dan pergigian di ladang-ladang kini sedang meningkat.

#### **PROJEK RUMAH AWAM KOS RENDAH DI LUAR BANDAR**

**20. Tuan Ishak bin Abdul Rahman** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan memandangkan keperluan rumah begitu meningkat terutama dari bumiputra yang berpendapatan rendah, adakah cadangan dan kemungkinan rumah-rumah pangsa akan didirikan juga di mana-mana kawasan luar bandar untuk mereka yang kurang mampu membeli rumah-rumah dari swasta.

**Dato' Dr Neo Yee Pan:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Kementerian saya memberi garispanduan kasar kepada semua Kerajaan Negeri untuk membina rumah awam kos rendah jenis pangsa di bandar-bandar besar, manakala bagi kawasan luar bandar dan bandar-bandar kecil, lain-lain jenis rumah seperti rumah teres, rumah kayu sesebuah dan sebagainya boleh dibina. Dengan secara demikian adalah terpulang kepada Kerajaan Negeri untuk memilih jenis rumah yang akan dibina di kawasan luar bandar. Mengikut keputusan yang telah diambil oleh Jawatankuasa-jawatankuasa Perhubungan Negeri, hampir semua projek rumah awam kos rendah di luar bandar adalah dalam bentuk rumah teres tetapi ada juga rumah jenis lain seperti rumah kayu sesebuah yang akan dibina.

#### **MAJUTERNAK—KES CEK-LAMBUNG**

**21. Dato' Ismail bin Hashim** minta Menteri Pertanian menyatakan apakah kesudahannya kes Cek-Lambung MAJUTERNAK dan apakah tindakan yang telah diambil di atas perkara tersebut.

**Menteri Pertanian (Dato' Abdul Manan bin Othman):** Kes Cek-Lambung MAJUTERNAK telahpun diselesaikan di mana penerima-penerima cek tersebut telahpun mendapat bayarannya. Untuk mengatasi supaya perkara ini tidak berlaku

langkah-langkah memperkemaskan akaun MAJUTERNAK seperti yang dicadang oleh Odit sedang dilakukan.

### **BAJA PADI SUBSIDI KEPADА PETANI**

**22. Tuan Haji Ariffin bin Haji Salleh** minta Menteri Pertanian menyatakan sama ada beliau sedar bahawa setengah petani-petani yang memperolehi baja padi subsidi dari Kerajaan tidak menggunakan sepenuhnya baja itu, setengahnya diletak di bawah-bawah rumah dan ditimbun di pangkal tiang-tiang rumah, setengahnya digunakan untuk tanaman lain, seperti tembakau dan lain-lain; jika sedar apakah tindakan beliau akan ambil bagi mengelakkan pembaziran wang.

**Dato' Abdul Manan bin Othman:** Setahu saya subsidi baja padi hanya diberi kepada petani-petani yang mengerjakan sawah mereka sahaja. Saya tidak sedar mengenai penyalahgunaan baja tersebut dan soal mengelakkan pembaziran wang adalah tidak timbul. Walau bagaimanapun, kiranya Yang Berhormat ada bukti-bukti yang tertentu silalah beri laporan supaya dapat pihak Kementerian mengambil tindakan yang sewajarnya.

### **PENGKALAN TENTERA DIRAJA LUMUT—KEMUDAHAN**

**23. Dato' Chin Kim Yoong** minta Menteri Pertahanan menyatakan memandangkan Tentera Laut Di Raja Malaysia akan berpindah ke Lumut, Perak, apakah persediaan yang telah dibuat setakat ini tentang kemudahan-kemudahan seperti tempat kediaman persekolahan, rumah sakit, tempat-tempat membeli belah dan sebagainya.

**Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustafa:** Pengkalan Tentera Di Raja Lumut di samping dilengkapkan dengan kemudahan ketenteraan yang lengkap dan moden akan juga disediakan dengan kemudahan-kemudahan lain seperti tempat kediaman, sekolah, rumah sakit, tempat membeli belah dan sebagainya.

Jumlah tempat kediaman yang akan disediakan bagi anggota-anggota TLDM, Anggota-anggota dari 'detachment' Tentera Darat dan kakitangan awam adalah sebanyak 9763 unit. Pecahannya adalah seperti berikut:

- |   |            |
|---|------------|
| (i) Rumah kelamin Pegawai ..                          | 399 unit   |
| (ii) Rumah kelamin Pegawai lain-lain pangkat .. .. .. | 4,302 unit |
| (iii) Pegawai bujang .. .. ..                         | 622 unit   |
| (iv) Anggota lain-lain pangkat ..                     | 4,440 unit |

Kemudahan persekolahan pula disediakan dari peringkat sekolah rendah hingga ke peringkat menengah rendah. Sekolah Rendah Pengkalan TLDM Lumut telahpun dibuka mulai bulan Januari 1980. Di samping itu Pengkalan ini juga akan disediakan dengan sebuah Taman Didikan Kanak-Kanak yang dapat menampung seramai 600 orang kanak-kanak.

Untuk kemudahan perubatan pula, sebuah Hospital Angkatan Tentera sedang dirancangkan. Hospital tersebut akan mempunyai sebanyak 250 katil dan akan dapat memenuhi keperluan Tentera Darat, TLDM dan TUDM yang ditugaskan di sebelah utara Semenanjung Malaysia.

Sebuah Supermarket dengan kemudahan moden dan sebuah kedai NAAFI akan dibina. Di samping itu tiap-tiap blok rumah pangsa akan disediakan kedai-kedai runcit untuk kemudahan membeli belah di kawasan tersebut.

Selain dari kemudahan-kemudahan yang saya nyatakan tadi kemudahan-kemudahan lain juga disediakan seperti:

- (i) Masjid
- (ii) Bank
- (iii) Pejabat Pos
- (iv) Stadium dan
- (v) Taman Permainan

Proses pembinaan kemudahan-kemudahan ini dilaksanakan secara berperingkat-peringkat.

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1982

Bacaan Kali Yang Kedua

*3.41 ptg.*

**Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Mak Hon Kam):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan tahun 1982 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk perkhidmatan tahun itu, dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon membentangkan Rang Undang-undang Perbekalan (1982) di Dewan ini atas nama Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan, yang tidak dapat hadir sendiri untuk membentangkannya, oleh kerana beliau dikehendaki bertugas di luar negeri bagi mengiringi Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dalam lawatan rasmi ke Kuwait.

Tuan Yang di-Pertua, ekonomi Malaysia telah berkembang dengan baiknya dalam tahun 1981, walaupun ekonomi negara-negara perindustrian terus merosot. Ekonomi Malaysia, dijangka mencapai kadar pertumbuhan kira-kira 6.8%, berbanding dengan 7.6% dalam tahun 1980. Kadar pengangguran juga dianggarkan turun, daripada 5.3% kepada 5.2%, dan ini merupakan satu kemajuan yang baik dalam ekonomi kita. Selain daripada itu, Belanjawan tahun 1981 dijangka akan membawa hasil yang lebih menggalakkan dari apa yang diramalkan. Cukai-cukai pendapatan telah menunjukkan prestasi yang lebih baik dari yang dijangkakan, dan pertumbuhan dalam perbelanjaan mengurus telah banyak terkawal. Dengan itu Akaun Semasa Belanjawan 1981 dijangka akan menunjukkan lebihan sebanyak \$462 juta berbanding dengan Anggaran Belanjawan tahun dahulu sebanyak \$372 juta. Perbelanjaan Pembangunan dijangka berjumlah sebanyak \$8,611 juta iaitu lebih

17.5% daripada perbelanjaan sebenar dalam tahun 1980.

Bagi tahun 1982 kemelesetan ekonomi dunia dijangka akan berterusan. Suasana ekonomi antarabangsa dijangka tidak akan banyak berubah sekurang-kurangnya pada setengah tahun pertama tahun hadapan.

Harga barang eksport yang semakin rendah dan harga barang import yang semakin naik telah banyak melemahkan akaun dagangan kita yang dijangka akan mengalami kurangan sebanyak kira-kira \$127 juta tahun ini. Akaun semasa imbalan pembayaran, akan merosot, disebabkan pembayaran yang tinggi di bidang import tak ketara, yang kebanyakannya terdiri dari tambang dan insuran, pendapatan pelaburan yang dibayar keluar negeri dan perbelanjaan pengembaraan. Dengan itu kurangan akaun semasa dijangka berjumlah kira-kira \$5,578 juta dalam tahun 1981. Walau bagaimanapun, kurangan ini dapat diatasi dengan kemasukan modal jangka panjang rasmi dan swasta dari luar negeri. Dengan itu simpanan antarabangsa kita akan terus dikekalkan di tahap yang agak melegakan, iaitu kira-kira \$10.1 ribu juta pada akhir tahun 1981. Ini akan membolehkan kita membiayai import selama kira-kira empat bulan setengah atas harga semasa.

Strategi Belanjawan tahun 1982 bertujuan meningkatkan pertumbuhan dan bekalan dan membendung kenaikan harga, terutama sekali barang-barang dan perkhidmatan-perkhidmatan yang digunakan oleh golongan miskin dan yang berpendapatan rendah. Strategi ini akan juga membantu meningkatkan keupayaan daya pengeluaran di bidang-bidang yang mustahak supaya menambahkan pendapatan dan peluang pekerjaan.

Oleh itu, saya mencadangkan jumlah sebanyak \$31,951 juta diperuntukkan bagi Belanjawan tahun 1982. Daripada jumlah ini \$17,319 juta akan disalurkan untuk Perbelanjaan Mengurus, manakala \$14,632 juta untuk pembangunan. Peruntukan ini merupakan tambahan sebanyak \$8,874 juta, atau 38% daripada Anggaran Perbelanjaan asal tahun 1981.

Sebanyak \$4,950 juta atau 28.6% daripada jumlah Anggaran mengurus akan disalurkan kepada sektor sosial, iaitu \$3,256 juta bagi pelajaran, dan \$1,067 juta bagi kesihatan.

Sektor ekonomi diperuntukkan dengan \$1,769 juta dan keselamatan sebanyak \$3,316 juta.

Dari segi perbelanjaan pembangunan, sektor ekonomi akan menerima peruntukan sebanyak \$6,640 juta atau 45.4% daripada jumlah perbelanjaan pembangunan. Jumlah yang besar ini adalah bertujuan untuk meningkatkan pertumbuhan, serta juga mengurangkan kemiskinan, terutama sekali di kawasan luar bandar. Daripada jumlah ini, \$2,027 juta akan disalurkan ke sektor pertanian, termasuk \$480 juta untuk pertanian, \$280 juta untuk parit dan taliair, dan \$317 juta untuk pembangunan tanah.

Sebanyak \$180 juta diperuntukkan untuk baja dan lain-lain input, sementara \$95 juta diperuntukkan bagi penanaman semula getah. Ini termasuk \$38 juta sebagai subsidi penanaman semula kira-kira 126,550 ekar getah pekebun-pekebun kecil.

Daripada jumlah peruntukan sebanyak \$280 juta bagi parit dan taliair, sebanyak \$106 juta ialah untuk melaksanakan projek-projek pembangunan pertanian sepada di Johor, Selangor, Perak, Kelantan dan Trengganu.

Sebanyak \$402 juta daripada \$713 juta yang diperuntukkan untuk pembangunan tanah, akan dibelanjakan oleh FELDA, di mana kira-kira 77,000 ekar tanah dimajukan, dan 6,000 keluarga akan menerima faedah. Ini termasuk kira-kira \$20 juta untuk menyiapkan projek-projek lama dan juga pembukaan kawasan-kawasan baru di Sabah.

Projek-projek besar Pembangunan Wilayah akan menerima sebanyak \$250 juta, di mana DARA mendapat \$73 juta, KEJORA \$47 juta, KETENGAH \$76 juta dan KESEDAR \$38 juta. Lembaga Tabung Getah Sabah akan membuka 5,000 ekar getah, di mana 500 keluarga akan menerima faedah. Lembaga Kemajuan Tanah Sarawak akan memajukan 26,595 ekar yang ada, dan 2,825 ekar tanah baru. Jabatan Pertanian akan membuka 4,000 ekar tanah baru getah di mana 1,000 keluarga akan menerima

faedah. FELCRA akan menanam kira-kira 7,000 ekar getah di Nanga Skua di Bahagian Ketiga Sarawak.

Sebanyak \$1,045 juta di bawah Anggaran Pembangunan dan \$188 juta di bawah Perbelanjaan Mengurus disediakan untuk memperluaskan kemudahan infrastruktur. Ini bertujuan bukan sahaja untuk mengukuh dan mengembangkan asas ekonomi, tetapi juga untuk menyediakan lebih banyak khidmat-khidmat perlu supaya golongan miskin dan berpendapatan rendah dapat faedahnya.

Perkhidmatan-perkhidmatan Keretapi, Pelabuhan dan Penerbangan Awam akan menerima \$168 juta, \$330 juta dan \$243 juta masing-masing, terutama sekali untuk menambahkan kemudahan-kemudahan serta alat kelengkapan. Selain daripada itu, \$264 juta disediakan untuk jalan-jalan luar bandar, \$190 juta bagi bekalan elektrik luar bandar dan \$110 juta bagi bekalan air luar bandar.

Perbadanan Kemajuan Pelancungan akan diperuntukkan dengan \$31.6 juta di mana \$23.6 juta daripada jumlah ini ialah untuk perbelanjaan mengurus, manakala \$8 juta ialah untuk pembangunan.

Untuk menambahkan penglibatan Bumiputra dalam sektor perniagaan, sebanyak \$1,004 juta diperuntukkan kepada Kementerian Perusahaan Awam, terutama sekali untuk agensi-agensi utama di bawah Kementerian ini seperti UDA, Bank Pembangunan dan Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri.

UDA akan membangun semula beberapa buah bandar lama, supaya penyertaan bumiputra dalam perdagangan dan perindustrian dalam bandar-bandar tersebut, dapat dipergiatkan. Selaras dengan objektif ini projek-projek Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri akan dipindahkan kepada Permodalan Nasional Berhad (PNB) atau, secara langsung, kepada golongan bumiputra setelah mereka mencapai kebolehan kewangan dan pengurusan.

Mengenai peruntukan bagi sektor sosial sebanyak \$3,332 juta atau 22.8 peratus dari perbelanjaan pembangunan, sebahagian

besarnya akan digunakan bagi menampung pembiayaan sektor perumahan sebanyak \$1,428 juta dan pelajaran sebanyak \$1,078 juta. Sejumlah \$485 juta dari peruntukan perumahan adalah dicadangkan untuk projek-projek perumahan Kerajaan Negeri dan Wilayah Persekutuan, terutamanya bagi pembiayaan rumah-rumah kos rendah, khasnya untuk menampung keperluan golongan yang berpendapatan rendah. Peruntukan Pelajaran pula, akan digunakan bagi membina bilik-bilik darjah baru dan sekolah vokasional baru, rumah-rumah guru dan asrama-asrama di sekolah menengah. Bantuan subsidi pembelajaran dalam bentuk Program Makanan Tambahan, Subsidi Makanan, Asrama, biasiswa dan dermasiswa dan Skim Pinjaman buku teks akan terus ditambah lagi untuk menggalak dan membolehkan kanak-kanak sekolah, terutama dari golongan miskin menikmati peluang dan faedah dari program-program dan dasar-dasar Kerajaan.

Pertahanan dan Keselamatan diperuntukkan sebanyak \$3,564 juta atau 24.4% dari Anggaran Pembangunan 1982, supaya Malaysia terus berada di dalam keadaan aman dan stabil dan dengan demikian pertumbuhan ekonomi dapat diteruskan dan kepentingan sosio-ekonomi dapat dilindungi.

Pertumbuhan sebenar ekonomi bergantung kepada kestabilan harga. Dengan dasar-dasar yang telah dijalankan oleh Kerajaan, inflasi telah dapat dikawal dengan baik. Di Semenanjung Malaysia inflasi dijangka meningkat kira-kira 9% tahun ini akibat inflasi yang tinggi di negara-negara perindustrian.

Untuk membendung inflasi, Kerajaan telahpun mengambil berbagai-bagai langkah, terutamanya dalam bentuk langkah-langkah kewangan, belanjawan dan pentadbiran. Dasar kewangan adalah ditujukan bagi menggalakkan simpanan, mengekalkan keadaan kewangan yang stabil, serta mempertukuh keutuhan imbanginan pembayaran. Bekalan wang akan dikawal supaya bertambah dengan sederhana, iaitu dengan mengurangkan pertumbuhan kredit bank kepada sektor swasta. Walaupun kadar-

kadar faedah bank meningkat mengikut trend antarabangsa, Kerajaan akan terus mencuba, seberapa yang boleh, menyenangkan kadar faedah pinjaman, terutamanya kepada sektor-sektor yang diberikan keutamaan. Ini dilakukan dengan menokok aliran wang ke dalam pasaran kewangan dari masa ke masa supaya keadaan mudah tunai yang ketat dapat dikendurkan.

Dari segi fiskal dan pentadbiran, Strategi Belanjawan adalah bermaksud hendak menambahkan bekalan barang-barang, dengan menggalakkan persaingan di antara para pengeluar tempatan dan juga menggalakkan pengimportan tiga kategori barang-barang iaitu makanan, input pertanian dan binaan. Langkah-langkah ini termasuk pemansuhan duti import, cukai tokok dan cukai jualan untuk membolehkan barang-barang tersebut diimport tanpa dikenakan cukai dan menurunkan kadar perlindungan tarif. Ini melibatkan kira-kira 150 jenis barang.

Sebagai satu langkah lagi untuk menambahkan bekalan barang-barang. Kerajaan telah memberi galakan supaya para-peniaga menubuhkan gudang-gudang untuk membolehkan para-pengimport menyimpan barang-barang secara besar-besaran. Semenjak langkah ini diumumkan dalam Belanjawan 1980, beberapa permohonan telah diterima, tetapi kebanyakannya memohon untuk menubuhkan gudang-gudang di tempat tertentu sahaja, iaitu Kuala Lumpur dan Kelang. Ini tidak berapa sesuai dari segi dasar Kerajaan yang hendak menggalakkan penubuhan gudang-gudang di tempat-tempat lain juga. Adalah diharap lebih banyak syarikat akan menambahkan pergudangan di kawasan-kawasan lain supaya kita dapat menambahkan perbekalan, terutama sekali barang-barang keperluan, dan membantu melawan inflasi.

Kerajaan juga telah meningkatkan lagi usaha melaksanakan kuatkuasa undang-undang mengenai kawalan harga. Bahagian Penguatkuasaan, Kementerian Perdagangan dan Perindustrian telah diperkuatkan dengan mengambil lebih ramai lagi pegawai-pegawai penguatkuasa. Sebanyak 12 buah lagi

pejabat-pejabat cawangan penguatkuasa telah ditubuhkan di seluruh negeri.

Simpanan wang juga digalakan melalui pengecualian daripada cukai pendapatan, ke atas faedah yang diperolehi dari simpanan-simpanan tabungan. Pengecualian terus diberi ke atas faedah yang diperolehi daripada simpanan di Bank Simpanan Nasional. Faedah yang diperolehi daripada simpanan tabungan sehingga \$10,000 di koperasi-koperasi, Bank Pertanian, Tabung Haji dan Malaysia Building Society Berhad akan terus dikecualikan daripada cukai pendapatan. Bagaimanapun, faedah yang diperolehi dari simpanan tabungan dengan Bank-bank perdagangan dan syarikat kewangan lain akan dikecualikan dari cukai pendapatan hanyalah atas simpanan tabungan sehingga \$1,000 saja dan tidak lagi \$10,000.

Selain daripada itu subsidi berjumlah lebih kurang \$1,327 juta telah diperuntukkan dalam Belanjawan 1982. Subsidi ini akan menggalakkan peningkatan penghasilan dan dengan itu mengurangkan kesan-kesan buruk inflasi ke atas golongan-golongan miskin dan yang berpendapatan rendah.

Seperti biasa, dalam Belanjawan yang lepas, subsidi-subsidi akan terus diberi untuk membantu usaha-usaha pertanian, pengangkutan, elektrik, termasuk kredit-kredit cukai bagi hasil tanaman, makanan dan sayur-sayuran, ikan ternakan dan keluaran tenusu. Subsidi yang paling besar adalah untuk petroleum dan bahan-bahan yang berkaitan, termasuk diesel dan minyak tanah, yang berjumlah sebanyak \$750 juta. Subsidi-subsidi besar yang lain ialah \$220 juta untuk menampung harga pembelian padi, \$130 juta untuk input pertanian, dan \$38 juta untuk tanaman semula getah.

Subsidi yang besar jumlahnya ini adalah diberi setiap tahun, tetapi ia tidak dapat diperbesar banyak sangat dan tidak dapat diteruskan selama-lamanya. Pada suatu masa kelak, subsidi ini terpaksa dikurangkan.

Walaupun kadar inflasi kita sederhana keadaannya, tetapi kadar ini masih tinggi. Sebagai satu langkah dasar perkembangan kewangan akan terus dikendalikan supaya

sejajar dengan arah aliran pertumbuhan ekonomi dan supaya kadar inflasi berada dalam lingkungan yang berpatutan. Dalam mencapai matlamat dasar ini dan mencerminkan perkembangan ekonomi semasa pertumbuhan pembekalan wang akan dikendalikan pada kadar yang mencukupi supaya semua pelaburan yang produktif akan mendapat kredit bank dengan kos yang menasabah.

Permintaan dalam Negeri telah berkurangan bersabit dengan pinjaman-pinjaman bank bagi tujuan produktif. Ini adalah akibat daripada keadaan ekonomi yang kurang baik di luar negeri. Tetapi bertambahnya simpanan dalam negeri disebabkan terutama sekali oleh tarikan kadar simpanan yang tinggi, maka bertambahlah keupayaan bank-bank untuk memberikan pinjaman. Dengan itu terdapatlah sumber kewangan yang mencukupi bagi menampung permintaan pinjaman untuk tujuan produktif. Tambahan pula kadar-kadar faedah di luar negeri semakin turun, maka kadar faedah di pasaran antara bank dalam negeri telah menjadi sederhana. Oleh itu tekanan ke atas kadar-kadar pinjaman menjadi berkurangan. Kredit Bank adalah dijangka akan meningkat pada kadar 20% dalam tahun 1982.

Seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, dalam Ucapan Belanjawan Y.B.M. Menteri Kewangan bagi tahun 1982, beberapa langkah percuakan telah dikemukakan untuk membantu Kerajaan mencapai beberapa matlamat sosio-ekonomi. Langkah-langkah ini telah diterangkan sepenuhnya dalam ucapan itu dan saya tidaklah berhajat menghuraikannya satu persatu sekali lagi.

Pada hari ini saya hanya akan menyentuh secara ringkas tentang objektif-objektif Kerajaan yang menjadi asas tindakan-tindakan cukai seperti yang diumumkan dalam Belanjawan 1982.

Satu objektif yang diberi keutamaan di bawah tindakan-tindakan cukai ialah untuk memperlicin dan memperbaiki lagi sistem memberi pengecualian cukai atas bahan-bahan mentah dan mesin-mesin yang diimport oleh industri-industri di negara kita

ini. Sistem memberi pengecualian cukai ini merupakan satu galakan yang amat penting pernah diberi semenjak dua puluh tahun dahulu bagi menggalakkan pembangunan perindustrian. Tetapi oleh kerana prosidiur dan cara melaksanakan pengecualian cukai ini agak rumit, sistem ini telah menimbulkan beberapa masalah kepada industri-industri tempatan terutama sekali yang kecil-kecil. Keadaan seperti ini tidak harus dibiarkan. Oleh itu Kerajaan telah mengambil langkah-langkah tegas di bawah Belanjawan 1982 bagi mengatasi kesulitan yang dihadapi oleh sektor perindustrian tentang pelaksanaan sistem ini.

Dalam sistem percukaian baru ini industri-industri akan dapat pengecualian cukai secara otomatik atas bahan-bahan mentah yang diimport. Dengan ini industri-industri tidak payah lagi membuat permohonan tiap-tiap kali mereka mengimport bahan-bahan mentah itu. Selain dari itu, industri-industri juga tidak payah lagi membuat permohonan untuk mengimport mesin-mesin kerana di bawah Belanjawan 1982 cukai tokok dan cukai jualan telah dihapuskan atas mesin-mesin yang diimport dan yang tidak dikeluarkan dalam negeri. Sambil itu Kerajaan juga telah menghapuskan larangan-larangan import atas pengimportan beberapa jenis mesin. Kesemua tindakan-tindakan ini merupakan satu perubahan yang besar selaras dengan dasar Kerajaan untuk melicinkan pelaksanaan dasar perindustrian negara.

Seperti yang saya sebutkan awal tadi penghapusan atau pengurangan duti import, cukai tokok, cukai jualan dan duti eksais telah diberi ke atas kira-kira 150 jenis barang. Langkah ini adalah untuk membantu langkah-langkah lain dalam usaha membendung inflasi.

Beberapa langkah cukai juga telah diumumkan untuk membantu golongan-golongan tertentu. Bagi kaum petani duti atas baja dan alat-alat pertanian telah dihapuskan atau dikurangkan. Golongan-golongan berpendapatan rendah yang lain pula akan dibantu dengan menghapuskan atau mengurangkan duti ke atas makanan dan keperluan-keperluan lain. Bagi mereka yang kurang bernasib baik kerana cacat atau

mengidap penyakit buah pinggang, saya telah menghapuskan segala duti ke atas alat-alat khas yang digunakan oleh mereka. Sebagai satu lagi langkah untuk membantu orang cacat saya juga telah mencadangkan supaya majikan yang menggunakan tenaga orang-orang cacat diberi potongan cukai pendapatan dua kali ke atas perbelanjaan gaji.

Cadangan-cadangan Belanjawan tahun 1982 dijangka memberi kesan yang baik kepada usaha-usaha Kerajaan untuk mempertingkat pertumbuhan ekonomi, membendung inflasi serta juga mengwujudkan suasana yang lebih menarik untuk menggalakkan pelaburan dan tabungan. Kajian awal yang telah dibuat menunjukkan bahawa syarikat-syarikat dan orang-orang persendirian dijangka akan dapat mengurangkan bayaran cukai mereka sebanyak \$186 juta berikutan daripada cadangan-cadangan Belanjawan. Jumlah ini pula dijangka akan dapat menambah pertumbuhan pendapatan negara sebanyak lebih kurang \$300 juta hingga \$400 juta dalam tahun 1982. Pertumbuhan pendapatan ini akan dapat meningkatkan lagi pertumbuhan Keluaran Negara Kasar dalam tahun 1982.

Kajian itu juga menunjukkan bahawa pengurangan dalam cukai-cukai tidak langsung seperti cukai import, cukai tokok dan cukai jualan dijangka akan dapat mengurangkan kadar pertumbuhan Angka Tunjuk Harga Pengguna dalam tahun 1982.

Selain daripada itu, cadangan-cadangan Belanjawan juga dijangka akan dapat mengwujudkan suasana yang lebih menarik untuk pelaburan dan tabungan di masa hadapan. Misalnya, galakan cukai untuk tabungan yang telah diberi itu akan membawa kepada perubahan dalam corak tabungan penduduk dan menggalakkan simpanan wang dalam simpanan tetap dalam jangkamasa yang lebih panjang dan dengan itu akan menambahkan lagi sumber-sumber wang jangka panjang untuk pelaburan yang produktif.

Pengecualian cukai pegangan ke atas faedah yang dibayar kepada bukan pemastautin dalam pelepasan kawalan pertukaran ke atas pinjaman luar negeri akan

menggalakkan kemasukan wang dari luar negeri untuk menambahkan lagi sumber-sumber bagi pembiayaan perusahaan-perusahaan dalam negeri. Langkah-langkah dalam bidang ini akan meluaskan sumber-sumber wang asing bagi bank-bank saudagar di Malaysia dan menggalakkan mereka memainkan peranan yang lebih besar dalam membiayai rancangan pembangunan negara.

Begitu juga galakan-galakan cukai yang diberi kepada perusahaan-perusahaan perkapalan dan insuran akan memberi kesan yang positif kepadaimbangan pembayaran negara dalam jangka panjang. Aliran keluar bayaran-bayaran tambang kapal dan insuran akan dapat dikurangkan dan ini akan mengukuhkan kedudukan akaun perkhidmatan dalamimbangan pembayaran negara pada masa hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya sebutkan awal tadi, Strategi Belanjawan adalah bertujuan untuk menggalakkan pertumbuhan ekonomi, mengurangkan kemiskinan dan melawan inflasi. Langkah-langkah positif akan juga dijalankan untuk memperbaikiimbangan bayaran.

Ekonomi negara kita sekarang menghadapi zaman kesulitan. Ini adalah satu perkara yang tidak dapat dielakkan seperti juga negara-negara lain oleh kerana keadaan ekonomi dunia yang muram dan tidak menggalakkan. Oleh itu adalah perlu bagi semua rakyat jelata sama ada dari pihak badan-badan peniaga, pekerja-pekerja, peladang-peladang mahupun syarikat-syarikat untuk menyedari akan keadaan yang kurang baik sekarang ini dan mengambil langkah-langkah yang positif supaya menjamin Strategi Belanjawan 1982 akan dapat dicapai. Negara kita mempunyai banyak sumber-sumber kekayaan, pengurusan perniagaan dan pentadbiran Kerajaan yang cekap serta juga pekerja-pekerja yang mahir. Semua ini akan dapat digunakan untuk mempertingkatkan lagi ekonomi negara. Saya yakin dan percaya bahawa dengan kerjasama yang erat daripada semua golongan kita akan dapat mengatasi masalah sementara ini dengan jayanya.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon membentangkan.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tuan Law Hieng Ding):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan tahun 1982 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk perkhidmatan tahun itu dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

4.23 ptg.

**Dato' Kam Woon Wah:** Tuan Yang di-Pertua, memandangkan keadaan kemelesetan dunia, kepicekan wang dan tingginya kadar faedah, kita berasa gembira akan Belanjawan bagi tahun 1982. Ini adalah memerlukan kerana kebanyakan kita merasa cukai akan dinaikkan lagi. Tahniah kepada Kerajaan kita khasnya kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan, Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah. Dalam keadaan begini kita tidaklah berharap mendapat Belanjawan yang lebih baik lagi. Penduduk Malaysia sepatutnya mengambil peluang ini bagi mengatasi musim meliset dan juga menjadikan keadaan politik yang stabil bagi negara kita.

Malaysia ialah sebuah negara baharu tetapi kaya dengan sejarah dan kebudayaannya. Seluruh negara amatlah menarik kerana negara ini didiami oleh tiga bangsa yang besar di Asia dan dianggap satu percantuman bagi tiga kebudayaan tadi. Memerintah sebuah negara yang mempunyai satu keturunan bangsa bukan sahaja di Asia bahkan di manapun juga di dunia ini amatlah sukar, inikan pula memerintah negara seperti Malaysia yang mempunyai berbagai-bagai kaum, berbagai-bagai ugama dan berbagai-bagai kebudayaan tentulah lebih susah. Kita berasasib baik kerana penganjur kita di Barisan Nasional telah membuktikan kebolehan mereka dan dapat menjadikan perkara mustahil kepada kenyataan.

Di dalam dunia keganasan ini kita dapati bangsa sama keturunan, sama ugama dan sama ideologi bergaduh sesama sendiri.

Dalam bidang keturunan, kita dapati orang Cina melawan orang Cina—Republik Rakyat China dan China Taiwan; Jerman Timur melawan Jerman Barat; Korea Utara melawan Korea Selatan; orang Arab melawan Arab dan British melawan Ireland Utara.

Di bidang ugama pula, kita dapati Iran melawan Iraq, Mesir dengan Arab; Utara Ireland dengan British dan orang Iran dengan Iraq.

Dalam bidang ideology pula kita dapati komunis China melawan komunis Rusia; komunis Vietnam dengan komunis Kampuchea dan seterusnya.

Di Malaysia kita dapati UMNO dengan PAS; MCA dengan DAP dan terkadangkala dengan Gerakan. Kita berpecah belah oleh sebab bangsa, ugama dan ideology. Dari itu kita mestilah mencuba mengurangkan hasut menghasut supaya kita akan mencapai Malaysia yang bahagia dan makmur.

Di antara kita ada sekumpulan kecil manusia yang menjadi pihak pelampau membuat kenyataan yang tidak bertanggungjawab dari masa ke masa. Mereka adalah tersilap kerana jika hendak menjadi pejuang negara hendaklah diterima kesemua pihak bukan dari sebahagian sahaja. Mengikut sejarah dunia, mereka yang menjadi pahlawan negara telah berjuang menentang musuh negara mereka dan baharulah menerima iktiraf dari rakyat jelata.

Berhubung dengan ini pahlawan negara kita kini ialah Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri kita, kerana mereka berani menentang bekas penjajah negara kita. Kita akan hidup dan mati di dalam negara ini. Tidak ada bukti yang lebih baik dari ini. Dari itu kita mestilah mengingatkan kepada ultra supaya mereka jangan tergelincir dalam pemikiran mereka yang boleh membinasakan negara kita. Mereka hendaklah diingatkan akan akibat perbuatan mereka.

Saya masih ingat lagi pada kali pertama saya bercakap di Dewan Rakyat dalam tahun 1967 menganjurkan tinggal bercampuran di antara segala kaum supaya meredakan ketegangan, saya terkecam oleh sahabat

bumiputra saya kerana orang Islam berkehendakkan tinggal berasingan sebab ugama mereka. Semenjak tahun 1970 ini telah menjadi polisi Kerajaan mendesak supaya sebahagian dari rumah dikhaskan untuk bumiputra. Barangkali saya terdahulu zaman dari ultra ini. Saya berharap mereka tidak mencelah sebelum mengkaji lebih mendalam. Saya berharap Kerajaan akan menggubal satu undang-undang supaya ultra ini disifatkan sebagai anti nasional. Ini adalah mustahak kerana mereka akan membinasakan negara ini.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Kini kita menghadapi perasaan tidak puas hati disebabkan oleh soalan 30%, 40%, dan 50% di dalam harta kompeni. Pihak bumiputra tidak berpuas hati yang bukan bumiputra mempunyai 40% dan di sebaliknya bukan bumiputra mengatakan yang mereka masih lagi miskin dan belum mencapai 40% lagi. Bukan bumiputra percaya segala nama orang-orang Cina dan India telah dicantumkan di bawah rakyat Malaysia. Ini adalah satu kenyataan kerana orang-orang Cina dan India dari Singapura, Hongkong, India dan negara-negara lain telah datang ke negara ini untuk membeli harta dan saham dan didaftarkan dengan kompeni tempatan, setengah darinya telah menggunakan nama tempatan untuk pendaftaran. Ada juga mereka membeli harta di atas nama nominee mereka. Perbuatan ini amatlah galak dilakukan. Kita semua tahu yang kaya di antara bukan bumiputra bukanlah dari rakyat negara ini tetapi kompeni-kompeni mereka didaftarkan dengan sendirian berhad. Kita pun tahu ada beberapa orang bumiputra yang terkaya di dalam negara ini. Ini amat nyata kerana nilai sebuah bangunan bertingkat-tingkat yang dipunyai oleh seorang bumiputra lebih harganya dari harga deretan bangunan yang usang dipunyai oleh bukan bumiputra.

Saya rasa satu kajian harta-harta sangatlah perlu dijalankan supaya kita akan berpuas hati. Jika ini dijalankan perasaan tidak puas hati akan dapat dihapuskan. Tuduh-menuduh tidak akan timbul dari masa ke masa. Ini akan memburukkan negara kita. Ini juga

akan menakutkan pihak pelabur asing yang ingin melabur di negara ini.

*4.34 ptg.*

**Dato Hajjah Fatimah binti Haji Salim:** Tuan Yang di-Pertua, saya juga telah membaca teks Ucapan Belanjawan, 1982 oleh Yang Berhormat Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, Menteri Kewangan bagi membentangkan Rang Undang-undang Perbekalan, 1982 dan saya dapat banyak perkara-perkara yang menarik perhatian telah dihuraikan dengan serba sedikit dan padat. Di antara tajuk yang disentuh di dalam ucapannya itu ialah kekurangan tenaga buruh, kemelesetan ekonomi, inflasi, harga barang yang rendah telah menjelaskan hasil pendapatan Kerajaan. Strategi Belanjawan, 1982 iaitu peningkatan pengeluaran, membasmi kemiskinan, membendung inflasi memperkuat imbalan pembayaran dan lain-lain tajuk lagi yang sangat banyak dan tidak perlu saya sebutkan, memadai setakat itu.

Sebagai contoh, Tuan Yang di-Pertua, pada pendapat saya gambaran yang sangat jelas telah dihuraikan secara sepantas lalu di dalam Ucapan Belanjawan 1982 itu, iaitu menunjukkan hasrat dan cita-cita Kerajaan kita hendak meningkatkan pertumbuhan ekonomi dan membendung kenaikan harga barang-barang keperluan pengguna oleh golongan miskin dan berpendapatan rendah serta melipatgandakan kegiatan ekonomi di dalam negeri.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memberikan pujian dan tahniah kepada Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan serta seluruh pegawai dan kakitangan Kementerian Kewangan yang telah berjaya mengemukakan Belanjawan 1982 bagaimana strategi dan matlamat serta maksud yang tertentu yang menjamin memberi faedah dan memuaskan hati setiap lapisan masyarakat. Di antara beberapa orang yang telah saya temui kebanyakannya mereka menganggap bahawa Belanjawan 1982 ini adalah merupakan Belanjawan Pilihanraya. Mengapa dikatakan Belanjawan Pilihanraya? Jawabnya ialah satu rangka Belanjawan yang menawan hati semua orang. Andainya

diadakan undi raya, siapa bersetuju dan siapa tidak bersetuju, dengan Belanjawan 1982 ini nescaya kita akan dapat banyak undi bersetuju dengan Belanjawan 1982 itu. Oleh yang demikian, saya bersetuju dan menyokong sepenuh-penuhnya cadangan dan saranan yang dibuat oleh Menteri Kewangan di dalam rangka Belanjawan 1982 itu, iaitu menyeluruh dan meliputi sejumlah wang \$31,951 juta iaitu \$17,319 juta untuk Belanja Mengurus dan \$14,632 juta untuk Belanja Pembangunan. Akan tetapi saya dengan lantang dan tegasnya memberi peringatan kepada Kementerian-kementerian dan Jabatan-jabatan Kerajaan supaya bekerja keras dan bersungguh-sungguh melaksanakan segala rancangan yang telah sedia ada atau yang akan diadakan. Segala rancangan atau projek atau program pembangunan itu hendaklah dijamin maju dan berjaya. Kita tidak mahu ada Kementerian dan Jabatan-jabatan yang tidak bertanggungjawab menyebabkan rancangan atau program atau projek pembangunan itu gagal atau menyeleweng.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa yang telah lalu kegagalan atau penyelewengan di dalam pengurusan atau pembangunan sesuatu projek disebabkan tidak kejujuran dan tidak bersungguh-sungguh oleh pihak yang dipertanggungjawabkan, sama ada dari pihak Kerajaan Pusat atau Kerajaan Negeri.

Saya berikan beberapa contoh yang merupakan beberapa kelemahan atau kecualian beberapa Kementerian dan Jabatan-jabatan Kerajaan seperti yang didedahkan oleh pihak akhbar. Satu, Laporan Odit Negara, berjuta-juta wang Kerajaan dan beberapa projek atau program pembangunan yang gagal. Kedua, pembaziran harta Kerajaan. Di waktu yang akhir ini pula akhbar-akhbar melaporkan beberapa kejadian pembaziran harta benda Kerajaan berjuta-juta ringgit nilainya jentera berat atau berpuluhan buah lori tersadai, buruk dan lapok oleh panas dan hujan. Berita penyelewengan dan pembaziran harta benda Kerajaan ini dikira berpuluhan-puluhan juta ringgit itu sangatlah memberi aib dan memalukan, seolah-olah menggambarkan bahawa Kerajaan kita lemah dan tidak bermaya, tidak berdisiplin dan seolah-olah

Kementerian dan Jabatan-jabatan Kerajaan bukan sahaja tidak bertanggungjawab, malahan tidak tahu menggunakan wang, boros dan membazir tidak tentu fasal. Keadaan inilah yang sengaja memberi aib dan memalukan. Tidak perlu disebutkan satu-satu penyelewengan seperti itu yang dilakukan dengan berbagai bentuk dan cara, memadai lah disebutkan satu-satu perkara seperti itu tadi.

Tuan Yang di-Pertua, perkara subsidi. Tujuan memberi subsidi memanglah baik, iaitu sama ada membendung inflasi atau kenaikan harga barang-barang atau memberi bantuan kepada golongan berpendapatan rendah atau miskin akan tetapi pelaksanaannya tidak memuaskan, perancangannya baik akan tetapi pelaksanaannya menggeciwakan. Saya berikan contoh bantuan subsidi benih dan baja. Beberapa tahun yang lalu berlaku penipuan baja dibekalkan kepada peladang-peladang atau petani ialah bercampur tanah dan pasir, sedangkan benih pula ialah benih baka yang tidak baik, kurang mendatangkan hasil. Akibat daripada penipuan itu peladang dan petani kerugian, masa terbuang, usaha yang begitu gigih sia-sia sahaja kerana tanaman tidak mendatangkan hasil. Ada sindiket yang menjalankan penipuan ini dengan mendapat keuntungan besar, menipu dan menindas. Oleh itu, saya menyeru semua golongan yang berkenaan itu iaitu tiap-tiap kementerian dan jabatan hendaklah menjalankan tugas dengan ikhlas dan jujur, terutama sekali masalah berkaitan dengan rakyat negara kita yang berpendapatan rendah dan miskin.

#### *Stok Penimbal*

Satu hal lagi kerap berlaku dengan sewenang-wenangnya iaitu dengan bermaharajalela ikut suka hati pembeli ialah harga barang seperti getah, kelapa, kelapa sawit, koko dan sebagainya. Kaum buruh, kaum petani, kaum peladang atau pekebun kecil yang hidup bergantung kepada perusahaan getah, kelapa, kelapa sawit atau koko selalu menghadapi masalah harga yang tidak stabil, kadangkala harga turun terlalu rendah, murah, mereka melarat sampai tak cukup makan. Harga barang itu jatuh

bergilir-gilir, mula-mula harga koko jatuh, kemudian kelapa sawit dan kelapa; pada hari ini harga getah pula merosot. Saya mencadangkan dan meminta dengan kemurahan Kementerian Kewangan mengadakan satu kumpulanwang yang besar jumlahnya untuk mengadakan stok penimbal getah, kelapa, kelapa sawit dan koko dengan tujuan mengstabilkan harga barang-barang tersebut. Jika kita mengkaji dan meneliti perjalanan stok penimbal getah yang pernah dijalankan sedikit masa yang lalu oleh Yang Amat Berhormat Dato Musa Hitam waktu menjadi Menteri Perusahaan Utama dahulu sangatlah memberikan kesan yang baik. Oleh itu, seharusnya negara kita mempunyai stok penimbal barang-barang tersebut supaya dapat menstabilkan harga barang-barang berkenaan. Dengan demikian dapatlah Kerajaan mengawal dan menjaga keperluan petani atau pekebun kecil yang menjadi sebahagian besar rakyat negara ini.

#### *Sekolah Menengah Vokasional*

Di muka surat 18, perenggan 31 di dalam Ucapan Belanjawan 1982 ada disebutkan 29 buah Sekolah Menengah Vokasional telah diberi peruntukan. Saya berharap projek Sekolah Menengah Vokasional ini sangat-sangat perlu diperbanyakkan dan dipercepatkan kerana satu daripada sebab yang menjadikan manusia lemah dan miskin ialah kerana tidak ada ilmu sains dan teknologi untuk hendak hidup. Cara penjajah menjadikan kaum bumiputra lemah dan miskin ialah menghapuskan pengetahuan ilmu sains dan teknologi yang ada pada kaum bumiputra sehingga orang Melayu menjadi satu bangsa yang tidak tahu membuat sesuatu apapun, tidak tahu membuat sesuatu dalam artikata bertukang iaitu menjadikan sesuatu daripada bahan-bahan yang ada dengan ertikata pengetahuan atau kemahiran.

Pendita ZA'BA 50 tahun yang lalu telah menulis untuk menghuraikan perkara yang menyebabkan kemiskinan. Satu daripada sebabnya ialah pengetahuan sains dan teknologi yang ada pada orang-orang Melayu (Bumiputra) tidak berkembang malahan semakin terhapus dari semasa ke semasa. Akhirnya, orang Melayu menjadi satu golongan manusia yang semata-mata menjadi golongan yang sentiasa mengharapkan

sesuatu dari orang lain. Pada hari ini pengetahuan sains dan teknologi orang Melayu telah lenyap dan hapus sama sekali. Contohnya, orang Melayu pada zaman dahulu pandai melombong timah, besi, tembaga, emas dan perak dan sebagainya. Orang Melayu pandai bertukang, membuat periuk, kuali, pisau, parang, pedang, gelang, subang dan lain-lain. Segala jenis pertukangan orang Melayu boleh membuatnya. Apa jenis pertukangan lain-lain bangsa semua boleh dibuat oleh orang Melayu. Orang Melayu boleh membuat perahu, tongkang, kapal layar, boleh membuat rumah, istana, gedung, pelabuhan dan sebagainya. Orang Melayu boleh belayar ke mana-mana di dunia dan boleh memerintah negerinya sendiri. Oleh kerana tekanan daripada penjajah orang Melayu menjadi bodoh, tidak ada ilmu sains dan teknologi. Akhirnya, semata-mata membeli dari orang lain. Sekarang orang Melayu sendiri tidak pandai membuat gula kelapa, kuih lempuk atau dodol kerana orang-orang asing telah membuat kilang dodol, kilang lempuk dan sebagainya. Sekolah Vokasional sepatutnya telah banyak didirikan semenjak merdeka dahulu. Entah mengapa pula sekarang ini baharu diperhebatkan dirancang dengan rapi. Saya harap rancangan ini dimajukan dengan pesatnya. Dengan adanya Sekolah Vokasional semoga boleh mengurangkan pengangguran.

Di dalam zaman moden sekarang ini pelajaran vokasional boleh diadakan beberapa bahagian seperti berikut: Bahagian elektrik, bahagian enjin, bahagian kimpalan (welding), peteri, bahagian tukang kayu, bahagian tukang jahit, bahagian pertanian, ternakan, perikanan, bahagian masakan, bahagian radio-televisyen, bahagian pendidikan, bahagian reka-bentuk, bahagian bangunan dan lain-lain. Sekolah Vokasional merupakan sekolah mengasah bakat kemahiran seseorang murid. Murid yang cergas dan bijak boleh melanjutkan pelajaran sehingga ke peringkat pelajaran tinggi. Murid-murid yang kurang cergas atau murid-murid yang lemah boleh bekerja sama ada bekerja sendiri, membuka satu perusahaan sendiri atau makan gaji. Mereka ini dipanggil pekerja kolar biru. Walaupun pekerjaannya selalu berat dan kotor, berlumur minyak atau

debu tetapi pendapatannya lumayan. Kadangkala pihak swasta pula mencari pekerja mahir bagi industri mereka. Oleh sebab itu, saya menyokong penuh Kerajaan mengadakan Sekolah Menengah Vokasional dengan seberapa banyak dan seberapa segera yang boleh. Saya harap dengan ini mereka yang meninggalkan bangku sekolah boleh bekerja mencari makan, tidaklah menganggur begitu sahaja. Sekian, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tuan Abdullah bin Salleh.

4.46 ptg.

**Tuan Abdullah bin Salleh:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong usul Belanjawan 1982 yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan sebentar tadi.

Di sini terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan tahniah kepada Menteri Kewangan kerana berjaya membentangkan senarai Belanjawan negara bagi tahun 1982 yang melegakan rakyat yang rata-rata berbagai lapisan rakyat melahirkan rasa puashati mereka kerana mereka terselamat dari beban cukai yang tinggi. Tidak syak lagi Belanjawan 1982 memperlihatkan bagaimana Kerajaan sentiasa memperhitungkan kepentingan rakyat umum dengan kemurahan hatinya memansuhkan atau mengurangkan cukai ke atas 150 jenis barang meliputi cukai jualan, cukai tokok, duti import dan sebagainya. Sesungguhnya keputusan Kerajaan ini merupakan permulaan ke arah menggalakkan rakyat Malaysia berbelanja di pasaran dalam negerinya sendiri. Peruntukan-peruntukan wang yang begitu besar untuk mempertingkatkan kemajuan di bidang pertahanan, pelajaran, perkembangan sosio-ekonomi dan sebagainya jelas membuktikan keupayaan Kerajaan sebagai sebuah Kerajaan yang berjiwa rakyat yang menumpukan segala perhatian demi kebijakan rakyat sekalipun menghadapi keadaan ekonomi yang tidak stabil di seluruh dunia.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam membahaskan Ucapan Belanjawan 1982 ini

sukalah saya menyentuh berbagai perkara yang meliputi beberapa bidang yang pada hemat saya perlu diberi perhatian yang wajar oleh Kerajaan demi memperbaiki keadaan yang sedia wujud. Usaha-usaha ini adalah perlu untuk mengekalkan kepercayaan rakyat terhadap Kerajaan kita.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh di bidang pertahanan, saya mengalu-alukan langkah Kerajaan untuk memperbesarkan angkatan tentera kita dengan pembelian kapal terbang dan kereta perisai. Langkah pembelian ini amat kena pada masanya memandangkan pergolakan politik serantau yang kurang stabil dan juga ancaman anasir-anasir subversif yang masih berterusan, di samping itu latihan-latihan operasi yang kerap diadakan oleh pihak Angkatan Tentera kita ini amat berfaedah sebagai langkah persediaan bagi sebarang kemungkinan yang mungkin timbul kelak. Namun begitu, saya rasa pihak Kerajaan perlu memberikan perhatian yang serius terhadap beberapa perkembangan yang berlaku baru-baru ini yang mana sedikit sebanyak telah menggugat keselamatan negara dan ketenteraman awam. Contohnya ialah pergeseran yang berlaku di antara pihak Tentera dan Polis di negeri Perlis dan serangan hendap komunis terhadap perajurit kita di Ulu Legong, Baling baru-baru ini di mana 7 orang perajurit kita telah terkorban dan dua orang mendapat cedera parah.

Pihak Kerajaan perlulah menyelidik dan mengesan punca-punca mengapa dan bagaimana peristiwa tersebut boleh berlaku. Ini adalah penting kerana kita khuatir adanya agen-agen musuh dari dalam atau ada gunting dalam lipatan yang memainkan peranan di sebalik tabir dan menyemaikan pengaruh negatif terhadap anggota-anggota keselamatan kita. Berkemungkinan juga mereka sentiasa memberikan maklumat-maklumat penting kepada pihak musuh demi mewujudkan keadaan huru-hara di negara kita. Oleh itu saya menyarankan agar pihak Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Kementerian Pertahanan akan menjalankan berbagai langkah untuk menyelidik serta menyiasat kemungkinan-kemungkinan tersebut dan memastikan bahawa ancaman dari dalam dan luar dapat dibendung dengan segera demi keamanan dan kesejahteraan

rakyat di negara kita. Di samping itu pihak-pihak berkenaan haruslah mengambil tindakan tegas terhadap anggota-anggota Polis dan Tentera yang cuai di mana kecuaian mereka itu akan menimbulkan keadaan yang tidak menyenangkan di kalangan rakyat. Tindakan yang wajar juga mestilah dilaksanakan untuk mengadili mereka yang terlibat dengan penyalahgunaan dan pengedaran dadah, penyelewengan kuasa dan rasuah yang mana boleh menjelas keharmonian dan kestabilan hidup rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh di bidang ekonomi sepanjang perlaksanaan Dasar Ekonomi Baru dan Rancangan Malaysia yang Keempat, banyak usaha telah dijalankan untuk menyusun semula masyarakat demi membasmikan kemiskinan. Di samping itu yang kita semua sedia maklum Belanjawan tahun 1982 yang telah dibentangkan rata-rata menunjukkan usaha Kerajaan untuk memberi bantuan yang lebih bermakna kepada rakyat di peringkat bawah. Namun begitu saya beranggapan bahawa penyusunan semula masyarakat bukanlah untuk kembali ke dalam sejarah lama, tetapi meletakkan haluan sejarah sesuai dengan perjalanan yang wajar berdasarkan kenyataan sejarah dan kekuatan.

Di samping itu Kerajaan hendaklah berusaha menanam sikap dan penyertaan ke dalam jiwa rakyat tentang kedudukan mereka yang sebenar. Dalam hubungan antara satu dengan yang lain kita telah memberi hak yang wajar kepada setiap orang untuk mencari rezki tanpa halangan, tetapi adalah tidak wajar mereka mencari persamaan yang lebih dari yang sepatutnya. Jadi tugasnya setiap rakyat terutama golongan bukan bumiputera ialah mengelakkan diri dari mendesak lebih dari yang sepatutnya dan menerima hakikat bahawa tidak boleh ada persamaan dalam hubungan antara kelompok-kelompok kerana persamaan bererti persaingan dan persaingan bererti membawa pergaduhan dan kekacauan. Inilah penyusunan semula yang perlu diamalkan dan ditanam ke dalam jiwa anak-anak Malaysia, ia bukan hanya penyusunan dari segi bilangan orang, tetapi lebih mendalam penyusunan alam fikiran dan kejiwaan yang sesuai dengan iklim negara

yang berasaskan prinsip Rukun Negara dan konsep keperibadian nasional yang sering kita utamakan.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh di bidang pentadbiran, di sini ingin pula saya menyentuh tentang bidang pentadbiran di Jabatan-jabatan Kerajaan di negara ini. Dua perkara utama yang ingin saya tekanan di sini ialah pelancaran sistem kad waktu yang telah diperkenalkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita baru-baru ini. Dan juga langkah-langkah positif membentera rasuah, penyelewengan kuasa dan pengurniaan tanah secara berleluasa. Pelancaran sistem kad perakam waktu, kerja yang telah diarahkan oleh Jabatan Perdana Menteri di beberapa Jabatan Kerajaan tempoh hari telah dapat memberikan makna yang besar terhadap perlaksanaan dan kelincinan jentera dan pentadbiran dan pengurusan untuk kepentingan rakyat. Sistem ini adalah proses ke arah penyusunan pentadbiran yang lebih baik jika dapat dikekalkan kewujudan sistem ini adalah selaras dengan Dasar Ekonomi Baru yang memerlukan setiap kakitangan Kerajaan meninjau semula kesan dan peranan yang dimainkan dalam melaksanakan proses pembangunan negara.

Saya rasa satu usaha lanjutan harus dibuat untuk mendapatkan taraf perkhidmatan yang boleh menjamin semua rakyat dapat menikmati faedah yang sebaik-baiknya. Oleh itu, saya mengesyorkan agar satu penilaian daya khidmat yang dijalankan oleh setiap pegawai Kerajaan dibuat sebagai ekoran daripada sistem itu. Selain dari perlunya Kerajaan mengetahui berapa ramaikah bilangan mereka yang bertugas di dalam sesebuah Jabatan Kerajaan, Kerajaan juga perlu memperhitungkan berapa banyakkah tugas yang dapat mereka sempurnakan dalam tempoh pegawai-pegawai berkenaan berada di dalam pejabat mereka. Jika mereka boleh melaporkan diri tepat pada jam yang ditetapkan, maka tidaklah sukar untuk Kerajaan menentukan berapa banyak kerja yang mesti dibereskan sepanjang waktu di pejabat. Saya kira langkah ini perlu menyusul selepas sistem kad waktu itu.

Tuan Yang di-Pertua, usaha-usaha Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan

Timbalannya dalam membentera kegiatan rasuah, penyelewengan kuasa dan pemberian tanah secara sewenang-wenangnya amatlah disanjung tinggi oleh kalangan rakyat. Langkah-langkah sedemikian adalah perlu untuk mengikis sikap mementingkan diri sendiri serta menghapuskan penindasan terhadap kepentingan rakyat seluruhnya. Saya harap langkah Kerajaan ini perlulah dilaksanakan dengan segera meliputi semula lapisan masyarakat sama ada golongan atasan, menengah dan peringkat bawahan. Kerajaan tidak boleh bertolak ansur dalam segara kegiatan yang boleh mewujudkan kepincangan-kepincangan di dalam urusan pentadbiran dan pengurusan ini.

Di samping itu, saya berharap pihak Kerajaan akan menjalankan kempen-kempen yang menyeluruh menyedarkan rakyat agar sentiasa bekerjasama dengan Kerajaan pada setiap masa. Rakyat hendaklah diseru supaya menyampaikan maklumat-maklumat mengenai penyelewangan-penyelewangan yang berleluasa di dalam sebuah Jabatan Kerajaan, penubuhan Biro Pengaduan Awam yang dirancangkan oleh Jabatan Perdana Menteri untuk tujuan itu haruslah disegerakan.

Tuan Yang di-Pertua, satu masalah lain yang masih wujud di bidang pentadbiran di beberapa buah negeri di negara kita ini misalnya di negeri Perlis ialah ketidak selarasan sikap pisah-memisah di antara Pegawai Tadbir Negeri dan Pegawai Tadbir dan Diplomatik (PTD) yang bertugas di sesebuah Jabatan Kerajaan. Perkembangan sedemikian amatlah mendukacitakan kita, hal ini mungkin juga merupakan salah satu faktor penting yang menjelaskan pembangunan yang cepat di negeri-negeri yang berkenaan. Ada kalanya seseorang Pegawai PTD dihantar oleh Kerajaan Pusat ke pihak Kerajaan Negeri tidak mendapat layanan dan kerjasama yang diharap-harapkan dari Pegawai PTN. Ini menyebabkan pembangunan tergencat kerana kedua-dua pihak berkenaan tidak dapat berganding bahu ke arah memperbaiki kehidupan rakyat. Oleh itu, saya berharap pihak Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri

akan berusaha menyelesaikan masalah ini dengan segera demi kepentingan negara dan bangsa kita.

Satu lagi perkara yang ingin saya kemukakan di Dewan yang mulia ini ialah masalah penyelarasan pentadbiran ke atas Unit Pencegah Penyaludupan (UPP). Sebagaimana kita semua sudah maklum unit ini dianggotai oleh para pegawai dari Jabatan Kastam, Imigresen, LPN dan Polis. Bagaimanapun dari segi operasi mereka menerima arahan yang sama dari Ketua Polis atau OCPD negeri yang berkenaan. Sebaliknya pula dari segi pentadbiran masing-masing pegawai mendapat arahan daripada ketua masing-masing. Di sini timbulnya percanggahan di antara Jabatan-jabatan berkenaan.

Dengan demikian, saya ingin mengesyorkan supaya Majlis Keselamatan Negara yang mempengerusikan persidangan di antara ketua-ketua Jabatan berkenaan mengkhususkan sepenuhnya kuasa operasi dan pentadbiran kepada satu pihak sahaja. Misalnya, kepada Ketua Polis supaya lahirlah satu penyelaras dalam semua tindakan demi kepentingan negara.

Syor saya yang kedua saya rasa boleh dipertimbangkan ialah menjadikan UPP sebuah badan bebas di mana pegawai-pegawai dari Jabatan Kastam, LPN, Polis dan Imigeresen boleh memohon menganggotainya dengan kerelaan masing-masing. Saya kira langkah ini lebih berfaedah dari keadaan yang sedia ada untuk menjamin kelincinan dan dedikasi mereka terhadap tugas. Di samping itu Kerajaan mestilah memberi galakan kepada badan bebas ini supaya bayaran bonos dan gaji yang serupa kepada mereka yang memiliki pangkat yang sama tarafnya. Sebelum ini para anggota UPP yang mempunyai pangkat yang sama dalam Jabatan-jabatan Kastam, Imigeresen, Polis dan LPN menerima tanggagaji yang berbeza. Dengan penubuhan UPP sebagai sebuah badan bebas akan menjamin kelincinan dan kemudahan operasi dan pentadbiran ke atasnya serta menghapuskan sama sekali penyelewengan kuasa dan rasuah.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh di bidang kebudayaan, belia dan sukan, bidang

kebudayaan sebenarnya tidak sepatutnya dimonopoli oleh satu-satu golongan sahaja. Ia mesti mencerminkan rakyat Malaysia dari Perlis hingga ke Sabah. Segala penemuan kebudayaan peribumi patutnya wujud di Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Lebih wajar lagi golongan rakyat berbilang kaum wujud di dalamnya. Benarkah penari-penari dan pemuzik-pemuzik tradisional yang berkhidmat di Kementerian berkenaan mencerminkan semua jenis kebudayaan atau kesenian setiap negeri di Malaysia ini? Kalau saya tidak silap di Bahagian Kebudayaan, Kompleks Budaya Negara, jika diselidiki majoriti bilangan artisya terdiri dari sebuah negeri sahaja. Kita tidak mahu hanya kesenian dan kebudayaan satu-satu negeri sahaja yang disuburkan sedangkan kesenian dan kebudayaan negeri-negeri lain tidak turut bersama diperkembangkan. Apakah suburinya kesenian ghazal dari Johor dengan hanya menjemput seorang pemain gambus menjadi pemuzik di Kompleks Budaya Negara?

Saya mengesyorkan supaya satu badan bebas patut dibentuk agar para artis yang mendokong cita-cita kebudayaan kebangsaan tidak dimonopoli oleh artis-artis yang bercorak kenegerian yang tersendiri. Jika hendak diiktiraf Mak Yong hendaklah dihidupkan juga kesenian tradisional tempatan di tiap-tiap negeri di Malaysia ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita semua sedar bahawa usaha untuk mewujudkan perpaduan dan keperibadian nasional adalah juga melalui pembentukan satu corak kebudayaan kebangsaan yang berasaskan budaya peribumi. Dengan itu kita dapat tugas serta tanggungjawab Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan semakin bertambah sejak beberapa tahun kebelakangan ini dan juga di masa-masa akan datang.

Memandangkan perkembangan inilah saya ingin mengesyorkan kepada pihak Kerajaan agar mengasingkan Kementerian Kebudayaan dari Belia dan Sukan supaya dapat meletakkan kebudayaan di tempat yang sewajarnya dan dihormati, tidak hanya dipersendakan seperti sekarang ini. Selagi ia tidak diasingkan selama itulah kebudayaan dipermainkan. Kementerian Kebudayaan yang tunggal patut diwujudkan untuk

meningkatkan mertabatnya dan membolehkan dasarnya dilaksanakan dan penyelenggaraan sepenuhnya dapat dipastikan. Kita tidak ingin melihat pegawai-pegawai kebudayaan hanya sebagai pegawai protokol sepetimana sekarang yang hanya melihat kebudayaan itu semata-mata tarian, drama dan wayang kulit sahaja. Sebaliknya Pegawai kebudayaan hendaklah menjadi pemikir dan activist budaya yang sebenarnya.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang penting ialah Kementerian berkenaan haruslah mempunyai kuasa yang lebih dan tidak sekadar apa yang kita saksikan dewasa ini. Dasar kebudayaan kebangsaan perlu ada perancangan masa depan yang rapi dan bukan boleh dibuat dengan sewenang-wenangnya. Oleh itu wajarlah diberi perhatian untuk mengasingkan Kementerian Kebudayaan dari Belia dan Sukan demi kepentingan perpaduan nasional dan generasi akan datang. Kementerian itu haruslah diletakkan di bawah kelolaan rapi di Jabatan Perdana Menteri supaya ia tidak diperkotak-katikkan oleh rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh tentang penggunaan Bahasa Malaysia khususnya di mahkamah-mahkamah, saya menyokong penuh usaha Kerajaan mengarahkan semua Jabatan-jabatan Kerajaan dan badan-badan swasta menggunakan Bahasa Malaysia di dalam semua urusan rasmi Kerajaan. Di dalam pada itu langkah untuk menggunakan Bahasa Malaysia sepenuhnya dalam semua bidang pengajaran dan pembelajaran di institusi-institusi pengajian tinggi di negara ini pada tahun 1983 amatlah disanjung.

Saya juga mengalu-alukan cadangan yang telah disarankan oleh Jawatankuasa Kabinet bagi mengkaji penggunaan Bahasa Malaysia baru-baru ini. Di antara cadangan-cadangan itu adalah menggantung lesen para pekedai sekiranya mereka enggan membetulkan bahasa yang silap dalam papan-papan kenyataan dan iklan yang dipamirkan kepada umum. Saya juga menyokong langkah supaya filem-filem yang menggunakan sarikata yang salah disekat dari ditayangkan atau diharamkan terus. Kerajaan juga mestilah mengarahkan dengan tegas agar nama-nama dan bentuk bangunan yang akan dibina di

masa yang akan datang melambangkan identiti nasional sebelum permit membinanya diluluskan. Langkah-langkah ini dirasakan perlu untuk menuju ke satu arah penggunaan Bahasa Malaysia yang standard. Ketegasan Kerajaan amatlah penting untuk menjamin taraf Bahasa Malaysia sebagai bahasa rasmi negara.

Menyentuh tentang pencemaran bahasa ini, sukalah saya mengusulkan agar Jawatankuasa yang mengkaji bahasa itu mengkaji juga penggunaan bahasa di dalam Jabatan-jabatan Kerajaan itu sendiri. Dengan ini akan wujudlah satu penggunaan bahasa yang standard dan selaras. Terjemahan bahasa asing ke Bahasa Malaysia mestilah betul dan tepat dan digunakan di semua Jabatan Kerajaan di negara ini. Sekarang masih banyak kedapatan istilah-istilah yang salah terjemahan dan ejaannya di Jabatan-jabatan Kerajaan seperti Hospital, Imigeresen, Pejabat Pos dan sebagainya. Sebelum Kerajaan meminta orang lain menggunakan Bahasa Malaysia yang betul dan standard Kerajaan sendiri hendaklah menunjukkan contoh bahasa yang betul dan standard.

Tuan Yang di-Pertua, negeri Pahang telah mencipta satu sejarah yang cemerlang dengan menggunakan Bahasa Malaysia dalam perbicaraan di Mahkamah-mahkamah Rendah, Tengah dan Tinggi. Peristiwa ini telah membuktikan bahawa Bahasa Malaysia sudah maju dan lengkap untuk digunakan dalam semua urusan negara ini. Semua mahkamah dan badan kehakiman haruslah mencontoh sikap yang telah ditunjukkan oleh negeri Pahang itu. Syabas Pahang!

Saya juga menyanjung tinggi tindakan Kerajaan yang telah mengarahkan Mahkamah-mahkamah di negara kita supaya menjalankan perbicaraan di dalam Bahasa Malaysia. Secara tidak langsung juga monopoli pendakwaan yang selama ini terletak di tangan pegawai-pegawai yang fasih berbahasa Inggeris telah dapat dipecahkan walaupun Surat Pekeliling berhubung dengan penggunaan Bahasa Malaysia di mahkamah-mahkamah telah diedarkan oleh Ketua Pendaftar Mahkamah masih terdapat lagi pegawai-pegawai Melayu sendiri yang angkuh dan pura-pura tidak

dapat menyebut perkataan Melayu dengan betul.

Untuk menyahut seruan ini bagi meninggikan kedudukan Bahasa Malaysia adalah difikirkan perlu bagi Ketua-ketua Jabatan terutama yang mempunyai hubungan dengan Mahkamah seperti Polis, Kastam, Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, Jabatan Pengangkutan Jalan dan lain-lain memberikan kerjasama yang sepenuh. Mereka seharusnya memberikan arahan kepada pegawai-pegawai pendakwa mereka supaya menggunakan Bahasa Malaysia sepenuhnya dalam pembicaraan satu-satu kes. Dengan usaha dan minat yang penuh dari semua pihak yang mempunyai pertalian dengan Kerajaan dengan kerja dan urusan Mahkamah khususnya para Peguam, Hakim-hakim dan Pendakwara serta Jabatan-jabatan Kerajaan dalam mempelajari dan meningkatkan Bahasa Malaysia maka hasrat untuk meletakkan Bahasa Malaysia di tempat yang sewajarnya akan tercapai tanpa menunggu masa 20 tahun lagi. Pepatah Melayu ada berkata, Kalau hendak seribu daya, kalau tak hendak seribu dalih.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh tentang Lembaga Urusan dan Tabung Haji, peranan Lembaga Urusan dan Tabung Haji dalam mengendalikan para jemaah haji kita ke tanah suci saban tahun amatlah membanggakan kita dan umat Islam. Tidak dapat kita pertikaikan bahawa Lembaga Urusan dan Tabung Haji telah berjaya memainkan peranan dengan berkesan demi untuk meningkatkan lagi bilangan jumaah haji menunaikan Rukun Islam yang kelima. Namun begitu saya rasa Lembaga Urusan dan Tabung Haji perlu menambahkan lagi para pegawainya yang berkhidmat di Mekah khususnya pegawai yang menjaga hal ehwal kebijakan dan kesihatan para jumaah haji kita.

Apa yang mendukacitakan kita baru-baru ini ialah kecuaian pegawai-pegawai di tanah suci yang menghantar kawat kepada keluarga seorang jumaah haji dari Balik Pulau pada 31hb September, 1981 mengatakan beliau telah meninggal dunia di Mekah pada hal sebenarnya beliau selamat pulang bersama isterinya pada 30hb Oktober yang lalu. Saya

amat berharap supaya kecuaian yang seperti ini akan membawa implikasi yang besar kepada pihak jumaah haji dan keluarganya tidak akan berulang lagi. Adalah menjadi tugas Lembaga Urusan dan Tabung Haji membaiki jentera pengurusannya pada setiap masa demi memuaskan semua pihak.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang dialu-alukan oleh umat Islam di negara ini ialah cadangan Lembaga Urusan dan Tabung Haji hendak memberi subsidi tambang kepada jumaah haji yang akan menunaikan ibadat tersebut di Mekah pada tahun-tahun yang akan datang. Di antara sebab-sebab mengapa masih ramai orang-orang yang menunaikan haji dengan pihak swasta walaupun kadang kala mereka terpaksa menempuh beberapa masalah dan kesukaran ialah kerana pihak swasta telah memberikan tambang yang lebih murah dari melalui Tabung Haji. Bagi melaksanakan syor yang tersebut supaya ia benar-benar memberi faedah kepada para penyimpan maka kajian yang teliti hendaklah dibuat oleh Lembaga dan Urusan Tabung Haji. Jika terlaksananya cadangan mengadakan subsidi tambang kepada jumaah haji di masa hadapan maka ahli-ahlinya akan merasa satu nikmat atau sekurang-kurangnya boleh melegakan sedikit beban kepada bakal-bakal jumaah haji.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh tentang Bahagian Kemas, saya juga mengalu-alukan langkah Kerajaan mewujudkan kembali Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar. Tidak syak lagi dengan wujudnya Kementerian baru ini akan membantu badan dan agensi-agensi di bawahnya untuk berkembang dengan pesat dan menguruskan pembangunan negara. Dalam pada itu juga saya ingin mengesyorkan kepada Kerajaan agar dapat mewujudkan bengkel-bengkel latihan bagi melatih para belia dalam bidang mekanik dan kereta motor di kawasan-kawasan luar bandar di bawah penge-lolaan Kemas. Saya rasa langkah ini tidak kurang pentingnya jika dibandingkan dengan usaha Kemas mewujudkan Tabika dan kelas-kelas bimbingan rumah tangga. Saya rasa usaha bagi mengadakan bengkel-bengkel latihan mekanik dan kereta motor akan memperbanyakkan usahawan-usahawan bumiputra di kawasan

luar bandar dan juga ia adalah sebagai lanjutan dari langkah Kerajaan mendirikan Institut Kemahiran MARA di kawasan-kawasan yang berdekatan dengan bandar seperti mana di Sungai Petani dan di Lumut.

Tuan Yang di-Pertua, bagi akhir ucapan saya, saya ingin menyentuh tentang kehidupan liar dan alam semula jadi. Ingin saya menyentuh tentang seruan untuk memberikan perlindungan kepada hidupan liar di Malaysia. Baru-baru ini Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar dilaporkan telah membentuk' satu Jawatan-kuasa untuk menjalankan usaha ke arah perlindungan kehidupan liar. Laporan itu juga menyebutkan bahawa 13 buah kawasan akan disediakan untuk tujuan pengekalan tempat-tempat perlindungan dan taman semula jadi di bawah Rancangan Malaysia Keempat. Kita amat berharap agar langkah ini tidak lagi merupakan satu seruan malahan Kerajaan akan menjadikan satu usaha yang nyata yang bersungguh-sungguh. Kita juga berharap usaha yang bersungguh-sungguh akan dilaksanakan ke arah menguatkuasakan Akta Perlindungan Hidupan Liar dan juga Akta Taman Negara di semua negeri. Untuk tujuan ini penambahan bilangan tenaga pekerja amatlah diperlukan, di samping itu apa yang lebih penting ialah usaha gigih dari Kementerian berkenaan untuk memberi nasihat dan didikan kepada orang ramai tentang perlunya pengekalan hidupan liar dan pengekalan Taman Negara untuk penyelidikan. Segala tindak tanduk manusia yang membawa kepada kemasuhan dan kerosakan alam semula jadi dan hidupan liar hendaklah dibenteraskan dengan segera.

Sekian, Tuan Yang di-Pertua, lagi sekali saya menyokong usul Belanjawan Tahun 1982.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Nor Mohamad.

5.20 ptg.

**Dato' Haji Mohd. Nor Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong usul yang dibentangkan oleh Timbalan Menteri Kewangan. Saya sokong

100% strategi belanjawan 1982 yang bertujuan menggalakan terus penubuhan ekonomi, membasi kemiskinan, membendung inflasi dan memperkuatkan kedudukan imbangan pembayaran.

Untuk mencapai sasaran-sasaran ekonomi ini patutlah kita halusi di mana letaknya kelemahan-kelemahan ekonomi kita supaya dapat kita rancangkan dasar-dasar yang mantap untuk masa hadapan dan dengan matlamat dasar-dasar ini dapatlah kita bentuk satu jalan yang lurus yang patut kita membuka langkah. Rancangan kita ini dibuat di masa iklim ekonomi antarabangsa yang begitu cerewet. Kedudukan ekonomi dunia terlalu lemah menderita daripada ketegangan perniagaan, daripada gugat harga minyak, daripada inflasi, daripada faedah bank yang terlampau tinggi, daripada pertumbuhan ekonomi yang lembab dan dari pengangguran yang kian banyak. Dalam gelombang-gelombang ekonomi sedunia seperti inilah kita berkhidmat mendayung perahu kita berlawan dengan arus laju kemelesetan ekonomi sedunia.

Tuan Yang di-Pertua, janganlah kita berharap dengan pastinya bahawa dasar-dasar ini semuanya mencapai prestasi yang disasarkan yang juga tertakluk kepada pemulihan ekonomi sedunia di pertengahan tahun 1982. Jika sekiranya ekonomi dunia tidak pulih pada masa itu apakah jadi nasib negara kita, adakah kita mempunyai rancangan kedua untuk dilaksanakan? Kita tidak boleh lagi seperti dulu menunggu macam punggok cuma terkejut dan bertindak bila sahaja timbul satu-satu peristiwa dan tidak bergerak untuk menghadapi tantangan dan peluang-peluang di hadapan kita. Kita mesti sedar dan menjadi realist dengan harapan-harapan kita dan membuat segala kajian atas kesusahan-kesusahan masa hadapan. Dengan itu dapatlah kita bertindak dengan berani, bersemangat dan dengan penuh kepercayaan. Pertumbuhan ekonomi kita pada beberapa dekad yang lalu semata-mata bergantung di atas pengeluaran bahan-bahan mentah untuk keperluan negara-negara pengguna iaitu negara-negara yang maju, bahan-bahan mentah inilah seperti tin, getah, kelapa sawit, balak dan baru-baru ini minyak mentah yang

menyanggakan ekonomi kita. Sungguhpun hasil-hasil mentah ini menjadi satu peranan yang mustahak kepada sumbangan GDP kita teapi oleh sebab pasarananya bergantung kepada cuma beberapa negara perindustrian sahaja maka bahayanya sentiasa berada bila pengguna-pengguna memainkan kita dengan harga belian yang tidak berpatutan, dan dengan menjual stok penimbang mereka. Dengan keadaan begini maka negara kita sentiasa tersepit dengan kata dua mereka. Patutlah kita dengan secepat mungkin alih haluan dasar-dasar ekonomi kita daripada pengeluaran bahan-bahan mentah sahaja kepada pengeluaran bahan-bahan mentah ini yang sudah dicampuri dengan nilai tambahan (value added commodity). Dengan bahan-bahan yang telah diproses ini maka pasaran pengeluaran negara kita tidaklah terhad kepada beberapa negara yang maju sahaja, ini bermakna perindustrian (industrialisation).

Dari sekarang, Tuan Yang di-Pertua, objektif pertama negara kita patutlah membangunkan negara kita ke hala ekonomi perindustrian yang moden dengan menggunakan bahan-bahan mentah yang dikeluarkan dengan campuran dan tambahan sains, teknologi, kemahiran dan kepandaian. Jika kita berjaya, kita tidak lagi menjadi mangsa negara-negara maju dan protectionalism. Untuk mencapai objektif ini kita berkehendakkan banyak lagi Engineers, Accountants, Lawyers, Technicians, pekerja-pekerja computer, pekerja-pekerja mahir dan lain-lain Pengurus-pengurus dan profesional-profesional. Kita mesti mengadakan orang-orang berkepandaian begini dengan secara melatih mereka dan jika perlu dibawa dari luar negeri.

Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun baru-baru ini kita dimaklumkan bahawa pelaburan asing sentiasa mendatang tetapi boleh dikatakan pelaburan asing dalam sektor perusahaan tidak begitu memuaskan. Kita tidak lagi memilih perusahaan-perusahaan yang patut kita utamakan. Negara kita sekarang patutlah meneruskan peranan dengan lebih efektif lagi untuk menarik industri-industri yang menggunakan bahan-bahan mentah kita di negara ini. Galakan-galakan yang lebih bagus

lagi patutlah diberi kepada syarikat-syarikat untuk membeli segala alat mesin yang diperlukan untuk teknologi baru dan untuk meningkatkan pengeluaran barang-barang value added dan finished product. Untuk meningkatkan lagi mutu industri-industri tempatan Kerajaan patutlah menggiatkan mereka mengadakan joint venture atau perkiraan lesen (licensing arrangement) dengan syarikat-syarikat asing yang ada technical know-how dan yang ada hubungan dengan pasaran eksport. Syarikat-syarikat tempatan atau warganegara kita yang berminat mendirikan perusahaan mereka sendiri patutlah diberi semua galakan termasuk pertolongan kewangan dengan kadar faedah yang tidak terlampau tinggi. Kerajaan mesti mengkaji perusahaan-perusahaan yang diperlu untuk negara dan bersedia untuk memberi pinjaman wang secara jangka panjang dengan kadar faedah yang ditetapkan.

Skim begini akan mendorong pengusaha-pengusaha tempatan berdiri sebagai entrepreneur dan bergiat di dalam industri perkilangan yang baru.

Tuan Yang di Pertua, protectionism atau protectionisma sentiasa menggoda peng-eksport-pengeksport kita. Penyelesaian jangka panjang untuk masalah ini adalah dengan cara menyusun semula sektor perniagaan dan pengeluaran barang-barang mempunyai value added yang berlebihan.

Oleh kerana kekurangan buruh, pengusaha-pengusaha yang mengeluarkan barang-barang dengan cara menggunakan buruh yang banyak patutlah mengambil langkah baharu dengan cara menggunakan mesin-mesin untuk mengurangkan angka-angka buruh dan meninggikan lagi mutu dan nilai barang-barang pengeluaran mereka. Di samping keperluan memperelokkan dan meningkatkan mutu barang-barang pengeluaran Malaysia, pengusaha-pengusaha mestilah juga meningkatkan kepandaian mereka dalam hal pasaran antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, kedudukan tenaga manusia yang berkepandaian di negara kita

pada masa ini tidaklah mencukupi untuk melaksanakan semua kegiatan ekonomi yang dirancangkan. Kegentingan ini perlu diperbaiki dengan secepatnya. Kerajaan perlu bergiat secara lebih aktif untuk meningkatkan lagi tenaga berkepandaian dengan cara melatih warganegara kita. Kita perlu banyak lagi engineers, banyak lagi managers, supervisors dan pekerja yang berkebolehan untuk menggalakkan perniagaan dan perkhidmatan. Perkhidmatan adalah faktor yang penting di dalam ekonomi kita, dan kita mesti meninggikan lagi mutu tenaga manusia kita dengan cara memberi latihan yang wajar di institusi-institusi teknikal. Satu daripada cara latihan untuk mengeluarkan tenaga manusia yang cekap, kita mesti mendapat sokongan daripada syarikat-syarikat di negara ini supaya rakyat berkelulusan diambil oleh mereka untuk diberi latihan yang tertentu dalam tempoh masa yang pendek. Kerajaan mesti berikhtiar menyediakan pekerja-pekerja majikan-majikan, pengusaha-pengusaha dan pengurus-pengurus untuk mendapat tugas-tugas yang rumit dalam penyusunan ekonomi untuk menghadapi tugas-tugas yang rumit dalam hal penyusunan ekonomi dengan cara menanam perasaan persefahaman di antara semua golongan untuk kepentingan ekonomi negara kita. Kerjasama adalah kunci kepada kejayaan sesuatu perusahaan. Ini adalah asas untuk membangunkan negara.

Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Kerajaan pula penambahan pekerja-pekerja di jabatan awam patutlah dikurangkan sehingga minima yang mutlak supaya banyak tenaga manusia berkebolehan dapat disalurkan untuk perusahaan-perusahaan dan lain-lain lapangan ekonomi. Kerajaan tidak memerlukan sebegitu banyak tenaga manusia jika sekiranya jentera kerja biasa pentadbiran dapat diisikan dengan mesin-mesin dan komputer dan juga dengan meningkatkan lagi productivity pekerja-pekerja ini. Penting untuk keperluan ekonomi negara Kerajaan sentiasa menjimatkan perbelanjaan hangus dan memperkokohkan lagi perbelanjaan pembangunan tidak seperti Belanjawan tahun 1982 di mana belanja mengurus melebihi belanja pembangunan. Saya

berharap Kerajaan akan mengambil berat dan mengawal dengan rapinya perbelanjaan mengurus yang sebegitu banyak. Kita mesti pasti bahawa tiap-tiap ringgit dibelanja mesti menghasilkan.

Tuan Yang di-Pertua, bila saya bandingkan pertumbuhan ekonomi di negara lain seperti Korea Selatan dan Taiwan, yang mana pertumbuhan ekonomi mereka meningkat naik demi kemelesetan ekonomi dunia, saya merasa sangsi sama ada kita telah kajikan dengan betul faktor-faktor ekonomi kita dan bersedia dengan langkah-langkah baharu untuk menukar dasar haluan ekonomi kita untuk menentang kemelesetan ekonomi dunia seluruhnya atau kita cuma mengambil jalan yang senang seperti menurunkan cita-cita kita dan menyerahkan hasrat kita kepada pertumbuhan ekonomi yang berkurangan dengan cara mempersalahkan negara-negara maju konon ekonomi mereka yang merosot mengakibatkan kita tidak dapat bergerak. Negara-negara Korea Selatan dan Taiwan telah mengatur jejak langkah mereka untuk menghadapi kemelesetan ekonomi dunia. Mereka tidak bercita-cita menurunkan kadar pertumbuhan ekonomi mereka. Mereka mendesakkan diri mereka supaya lebih bercergas, inilah sebab-sebab yang mereka berhasil. Ekonomi negara kita dapat diversified. Kita mempunyai infrastruktur yang lebih elok. Dengan rancangan ekonomi yang bermutu dengan tenaga manusia yang berkepandaian tentu sekali pertumbuhan ekonomi kita tidak akan terjejas jika kita bersungguh-sungguh berazam dan berikhtiar menyusun semula dasar-dasar productivity negara kita.

Apakah langkah-langkah yang patut kita ambil untuk menghadapi masa depan kita sama ada ekonomi dunia semboh atau tidak dipertengahan tahun 1982 supaya ekonomi kita tidak hanyut seperti perahu tidak bertambat. Kita mesti meneruskan dengan secepatnya memperbaiki (diversify) ekonomi kita sehingga tercapai objektif keselamatan ekonomi kita dengan lebih kuat lagi dalam persaingan dari dalam atau dari pasaran eksport. Kita mesti diversify atau memperbaiki aktiviti-aktiviti ekonomi kita dan memperbaiki pasaran kita termasuk pasaran negara-negara yang sedang membangun. Kita mesti bergiat dengan cepat

lagi dan memberi lebih galakan untuk menarik pelaburan asing yang membawa teknologi. Kita mesti import mesin-mesin dan alat jentera dan lain-lain cuma daripada negara-negara yang menjual dengan harga murah. Kita mesti sediakan pekerja-pekerja yang berbakat dan berkepandaian dari segi teknikal dan perusahaan dan jika perlu mereka ditarik dari luar negeri. Kita mesti memberi galakan-galakan cukai kepada mereka yang menukar corak gaya pengeluaran daripada method tradisi kepada method menggunakan mesin-mesin, alat-alat jentera, komputer dan sebagainya. Kita mesti tukar filosofi kita daripada bergantung semata-mata atas bahan-bahan mentah kepada perindustrian mengeluarkan value added dan finished product.

Tuan Yang di-Pertua, satu halangan besar yang menahan pertumbuhan ekonomi negara kita adalah struktur cukai di negara kita. Kadar cukai pendapatan yang dibeban oleh individu pada masa ini boleh dikatakan mendenda orang-orang yang bekerja kuat dan mengelawakan usaha, inisiatif dan tanggungjawab. Reka bentuk struktur cukai di negara kita patutlah disusun semula untuk memberi galakan kepada pelaburan supaya kita dapat menikmati pengeluaran yang bertambah lagi di masa hadapan. Struktur cukai yang ada sekarang adalah menyiksakan usaha daya rakyat sama ada ke atas individu ataupun atas kumpulan-kumpulan pengusaha.

Kerajaan menuntut cukai terlampau banyak daripada kemewahan yang diperhasikan oleh sektor swasta dan individu hingga mereka rasa hampa dan hilang incentif untuk bekerja lebih kuat lagi dan meningkatkan pertumbuhan ekonomi. Kadar cukai pendapatan yang tinggi tentu menindas hasrat sedaya upaya dan hasrat meninggikan lagi kebolehan. Dengan cukai yang berpatutan nescaya ekonomi swasta bergiat dengan gagah lagi untuk mengeluarkan barang-barang dan perkhidmatan dengan pesatnya. Dengan ini hasil negara akan bertambah dan daya manusia bertambah kebolehan dan kecekapan.

Tuan Yang di-Pertua, individu-individu patutlah digalakkan meningkat lagi kebolehan dan kecekapan mereka dengan

cara penyusunan kadar cukai pendapatan setelah diambil kira kenaikan inflasi dan pertumbuhan ekonomi. Bukti kecekapan Kerajaan adalah memperkembangkan ekonomi negara dengan cara bekerja kuat dan cergas, di samping itu menurunkan kadar cukai walaupun perbelanjaan Kerajaan meningkat. Penurunan cukai pendapatan tentu akan menggalakkan dengan cepatnya kegiatan pembangunan dalam segi ekonomi dan dengan perkembangan ini hasil-hasil cukai yang baru tentu akan sendirinya menampung dan memberes perbelanjaan Kerajaan.

Dari segi pertumbuhan ekonomi, dasar pungutan cukai dengan kadar tinggi adalah satu jalan yang memaksakan rakyat kembali kepada zaman ekonomi sebelum perindustrian. Kadar cukai di peringkat atasan tidak lagi ditumpu kepada mereka yang berpendapatan tinggi, ianya dibebankan kepada Eksekutif-eksekutif Kanan dan Pengurus-pengurus pertengahan di bidang perdagangan dan perusahaan, pekerja-pekerja mahir, golongan-golongan profesional, kakitangan kanan Kerajaan dan urusniaga kecil, kepada merekalah yang negara sangat-sangat mengharapkan inisiatif membangunkan pertumbuhan ekonomi dan urusniaga dan kepada merekalah daya pengeluaran dan kemajuan negara bergantung.

Kadar cukai pendapatan sekarang boleh dikatakan faktor yang penting yang menghalangkan pencapaian ekonomi ke tingkat yang lebih cemerlang. Jika kita berharap prestasi ekonomi kita makin bertambah maka wajiblah Kerajaan mempertimbangkan potongan cukai pendapatan di segenap peringkat. Pengurangan dalam bebanan cukai pendapatan bermakna rakyat Malaysia akan bekerja dengan lebih gigih, erat, kuat dan bersemangat. Kita bangga yang kita akan membina masyarakat yang lebih maju dan mewah tetapi kita mungkin mempunyai masyarakat yang maju dan mewah tanpa individu-individu yang maju dan mewah.

Negara kita sekarang dikenal sebagai satu daripada beberapa negara yang mempunyai kadar cukai pendapatan yang paling tinggi, disebaliknya kadar ini mencengkam di

peringkat pendapatan yang terlalu rendah. Akibat inflasi telahpun meningkatkan pendapatan-pendapatan pekerja ke taraf cukai pendapatan yang lebih tinggi. Seorang pengusaha di Malaysia yang berpendapatan lebih daripada \$100,000 setahun dikenakan cukai pendapatan di taraf kadar 65%. Di Singapura misalnya pengusaha ini cuma dibebankan dengan cukai pendapatan 32% sahaja, lebih daripada separuh kurangnya daripada kadar yang dibayar di Malaysia. Kita hidup dalam ekonomi dunia bertanding dan bersaing kadar cukai pendapatan kita patutlah setaraf dengan negara jiran jika kita berharap kemenangan dalam pertandingan ekonomi terbuka.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hal ini saya mendesak Kerajaan mengkaji balik struktur cukai pendapatan di negara kita dengan membatalkan development tax yang dibebankan kepada individu, membatalkan excess profit tax yang dibebankan kepada individu dan menurunkan kadar income tax yang dibebankan kepada individu ke peringkat maksima cuma 45% sahaja atas pendapatan lebih daripada \$750,000 setahun. Dengan cadangan ini saya berharap individu-individu tidak lagi dibebankan dengan kadar cukai pendapatan yang berkesan lebih daripada 40% effective rata atas semua pendapatan serupa sebagai syarikat-syarikat di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi sayugia saya mengulangi cukai pendapatan janganlah digunakan untuk memberes menyamakan pendapatan pencarian rakyat. Jika dibuat secara begitu rakyat dibenteras daripada meningkatkan bakat mereka dan disekat daripada bekerja lebih pesat lagi. Syarat ini tentu akan memundurkan pertumbuhan ekonomi negara dan ianya songsang dari strategi yang disasarkan. Tiap-tiap rakyat mesti digalakkan lagi supaya melebihkan sumbangan mereka terhadap ekonomi negara. Dengan cara beginilah ganjaran yang lebih besar lagi dapat dinikmati oleh semua golongan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai penutup saya sentuh perkara Government Accountability. Belanjawan Kerajaan untuk tahun 1982 dianggarkan sebanyak \$32,000 juta. Dalam tempoh masa 7 tahun sahaja

Belanjawan ini telah meningkat daripada \$7,000 juta ke taraf \$32,000 juta, ini dalam masa 7 tahun dekat 5 kali ganda banyaknya.

Tuan Yang di-Pertua, kadar peningkatan Belanjawan ini dan juga taraf perbelanjaan Kerajaan mendaki awan sebagai roket, ini membawa perasaan bimbang dan takut kepada golongan rakyat yang menganalisa nilai manfaat perbelanjaan (value for money). Cukai pendapatan bukan sahaja meningkat daripada ringgit mutlak (in absolute dollars) bahkan cukai-cukai ini telah meningkat sebagai bahagian besar daripada hasil Kerajaan. Dibandingkan dalam tempoh masa 7 tahun yang lepas jumlah cukai pendapatan jika dinisbahkan dengan jumlah cukai peratusnya cuma 38%, pada tahun 1982 nisbahnya meningkat kepada 46.6%. Dari segi pungutan cukai pendapatan pula jumlah yang dipungut dalam tahun 1975 sehingga tahun lepas adalah sebanyak \$1,900 juta sahaja dan dalam tahun 1982 pungutan dianggarkan \$7,700 juta iaitu lebih daripada 4 kali ganda banyaknya yang dibebankan atas bahu rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, angka-angka ini menggambarkan pertumbuhan Kerajaan adalah terlebih besar daripada pertumbuhan ekonomi negara kita. Tiap-tiap tahun boleh dikatakan sebahagian yang terlalu besar daripada kemewahan negara ini digunakan sekehendak hati oleh Kerajaan dengan bijaksana atau tidak wallahualam.

Pada masa ini rakyat merasa yang mereka diberi terlampau banyak oleh Kerajaan yang susah dikaji sama ada semestinya tambahan Kerajaan ini lebih elok atau tidak. Mereka cuma mengetahui dengan terlebih banyak Kerajaan maka terlebih banyaklah cukai pendapatan yang mereka akan bayar. Ketika ini banyak kedengaran suara-suara yang meminta Kerajaan memperkecilkan dan menurunkan birokrasinya dan cukai-cukai. Kedengaran juga suara daripada Ketua Odit Negara menyatakan bahawa perbelanjaan Kerajaan sekarang terkeluar daripada landasan kawalan. Perkara ini akan menjadi lebih buruk lagi bila rakyat percaya bahawa birokrasi Kerajaan telah menjadi kebal dan sukar diperbaiki.

Kerajaan adalah satu badan monopolii dan dengan cara itu amatlah sukar diperbaiki

kecekapan dan tanggungjawab mereka, tidak seperti badan-badan perusahaan di mana mereka akan menghadapi disiplin persaingan.

Saya amat gembira dengan langkah-langkah yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri baru-baru ini dan saya berharap bahawa harapan masih ada lagi untuk memperbaiki efficiency dan responsiveness daripada birokrasi Kerajaan. Banyak laporan yang kita baca baru-baru ini menyatakan alat-alat jentera dan kelengkapan-kelengkapan yang dibeli oleh Kerajaan dengan harga berjuta-juta ribu ringgit telah menjadi white elephant dan banyak juga disimpan dengan tidak dipakai hingga rumput-rumput tumbuh di bawahnya. Dalah-dalah yang susah diterima akal mengatakan jentera-jentera dan kelengkapan-kelengkapan ini mesti dibeli sama ada untuk dipakai atau tidak supaya peruntukan diberi kepada tiap-tiap jabatan semestinya digunakan sebelum penghujung tahun sebelum dipupuskan.

Di samping itu pada tahun akan datang peruntukan yang lebih banyak lagi nescaya dimohon untuk menunjukkan kegiatan jabatan-jabatan makin berkembang. Jika sistem ini tidak dihentikan, kita nescaya mengekalkan percurahan wang kita ke dalam parit dengan sia-sia dari tahun ke tahun. Apakah jadi kepada cadangan yang dimegah-megahkan secara zero base budgeting yang disebut-sebut untuk mengatasi kekhawatiran dari segi mewujudkan proses budget. Adakah cadangan zero base budgeting right begitu sahaja oleh kerana tiada exactitude atau kesaksamaan dan sophistikasi untuk membutuhkan kegentingan sekarang.

Dari mula lagi kita tidak mempelajari dan mengetahui bagaimana dapat kita menaksirkan productiviti sektor awam, mengkaji kesan dan hasil rancangan-rancangan sektor awam. Saya mengetahui amat rumit. Pada pendapat saya usaha memperbaiki accountability sektor awam tidak akan berkesan sebelum tiga faktor asas diteliti.

Pertama, sukanan hasil (measuring result) iaitu seperti juga dalam sektor perniagaan di

mana perhatian yang didugakan ialah bottom lines atau keuntungan dan kerugian. Umpamanya, dugaan bukanlah dibuat sebanyak mana pekerja-pekerja pos ataupun sebanyak mana sorting machine dapat mengatur surat-surat bahkan dugaan dibuat sama ada surat-surat itu dapat disampaikan kepada alamat-alamatnya.

Kedua, dasar-dasar yang berhaluan kecil patutlah ditukar dengan analisa dasar yang lebih luas. Ini bermakna menaafat seluruhnya dapat diketahui. Kordinasi amatlah diperlukan. Umpamanya, janganlah sektor awam berlawanan tarik tali sama sendiri dengan menghabiskan daya tenaga, walhal ekonomi sebagai tali tidakpun berganjak.

Ketiga, objektif feedback mechanism atau alasan mengetahui kejadian dengan cara objektif mesti direka untuk diketahui dengan pastinya dan dengan secepatnya rancangan-rancangan dan agensi-agensi yang tidak berjaya. Peruntukan kewangan mereka mestilah cepat ditarik balik sebelum dihanguskan seperti juga syarikat-syarikat di sektor swasta bila ia tidak berjaya dan merugikan mereka dihentikan dengan secepatnya secara dengan kehendak sendiri ataupun dengan kebangkrutan.

Rancangan-rancangan dan agensi-agensi yang gagal mestilah dihentikan, jangan dipelihara dengan perbelanjaan Kerajaan yang bertambah dari tahun ke tahun. Banyak rancangan-rancangan sektor awam terutama sekali rancangan-rancangan di bawah anjuran agensi-agensi Kerajaan yang mengalami kerugian yang merosot dari tahun ke tahun sering kemelesetan kerugian ini ditampung dengan belanjawan negara dari tahun ke tahun dengan alasan kerugian rancangan adalah untuk keperluan sosial. Dalam-dalah ini pada pendapat saya adalah satu helah menyembunyikan kedudukan yang benar seperti tidak ada bakat, kepandaian, usahawan atau kecekapan. Kapitalisma dan sosialisme tidak boleh dibolotkan sebagai satu objektif. Objektif keuntungan mesti dicapai sama ada keuntungan itu patut digunakan untuk keperluan sosial ini objektif yang lain. Dalam kerugian oleh kerana keperluan sosial adalah tidak diterima oleh akal.

Saya amatlah berbangga bila baru-baru ini Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri mengkaji tiap-tiap rancangan sebegini dan dengan tidak segan silu lagi menyatakan kebengkrapan satu-satu projek; sudah bengkrap mesti ditutup—tak guna mendengar alasan-alasan lagi. Syabas inilah fikiran yang waras. Inilah philosophy yang dinamik. Beginilah sepatutnya accountability sektor awam dibereskan. Sekian, terima kasih.

6.00 ptg.

**Tuan Haji Latip bin Haji Dris:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun turut sama menyokong Usul Belanjawan 1982 yang dibentangkan oleh Timbalan Menteri Kewangan sebentar tadi.

Saya ingin mengambil kesempatan ini menyampaikan rasa terima kasih kami rakyat Sarawak mengenai segala bantuan peruntukan yang diberi kepada Kerajaan dan rakyat Sarawak oleh Kerajaan Pusat dalam berbagai bidang pembangunan pada tahun 1982.

Tuan Yang di-Pertua, telah menjadi amalan Dewan yang mulia ini mahupun Dewan Rakyat ataupun Dewan-dewan Undangan Negeri dalam negara kita ini, dalam membahaskan Ucapan Belanjawan adalah satu perkara yang mendapat perhatian semua Ahli kerana pada kelazimannya di masa Ucapan Belanjawan, Kementerian Kewangan yang bertanggungjawab menghuraikan segala perbelanjaan dan bantuan pembangunan kepada semua negeri dalam Malaysia, di waktu itu juga cukai-cukai ditentukan bagi mendapat wang untuk digunakan bagi melaksanakan urusan tadbiran dan projek-projek pembangunan bagi kepentingan rakyat jelata.

Tuan Yang di-Pertua, Ucapan Belanjawan 1982 adalah merupakan Belanjawan yang mendapat sambutan baik dari semua golongan rakyat, tidak kira di bandar dan desa, lebih-lebih lagi kepada rakyat yang kurang berasib baik seperti petani, nelayan dan rakyat miskin yang tidak berkemampuan juga berasa lapang dada. Walaupun demikian, tiap-tiap perkara yang melibatkan rakyat baik secara langsung atau tidak,

tentulah mendapat berbagai-bagai pandangan baikpun sokongan ataupun teguran kerana pandangan-pandangan seumpama itu dapat memberi kesedaran yang membina supaya pihak yang diberi tanggungjawab oleh Kerajaan lebih teliti lagi, memberi khidmat lebih cekap dan licin yang diperlukan oleh rakyat. Bagi kami rakyat dari negeri Sarawak tidak berasa segan dan silu menyuarakan berbagai-bagai masalah untuk kepentingan rakyat dalam Dewan yang mulia ini.

Memandangkan keadaan rakyat yang diam berselerak dari tepi pantai sehingga beratus batu ke ulu sungai dan pendalaman masih hidup dalam serba kekurangan, oleh kerana keadaan beginilah maka kami yang diberi penghormatan menjadi Ahli Dewan ini merayu kepada Kerajaan Pusat dan Kementerian Persekutuan untuk mendapat peruntukan yang lebih lagi bagi projek-projek untuk rakyat, terutamanya rancangan pertanian dan sebagainya. Oleh kerana pada masa ini Kerajaan Negeri Sarawak masih lagi berharap bantuan kewangan daripada Kerajaan Pusat untuk membiayai projek-projek yang besar seperti jalanraya, lapanganterbang, pelabuhan, pelajaran, kesihatan dan bermacam-macam lagi.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya mengambil beberapa perkara yang agak perlu untuk mendapat perhatian Kementerian yang bertanggungjawab supaya dapat mencari satu jalan bagi mengatasinya.

Pertama dengan sebab merosotnya harga hasil pertanian yang dieksport keluar negeri seperti lada hitam, getah, tepung sagu dan juga harga kayu balak, maka keadaan rakyat di negeri Sarawak menjadi sakit kepala sedangkan barang-barang keperluan harian yang diimport bertambah naik harganya oleh kerana tidak seimbang hasil pendapatan rakyat yang bergantung hidup kepada pertanian sebagai pekebun kecil terpaksa mengeluh dan sukar untuk membeli barang-barang keperluan harian di mana harganya begitu tinggi. Maka ramai daripada mereka termasuk belia-belia meninggalkan kampung halaman berhijrah ke bandar atau daerah lain seperti Bintulu yang berkembang pesat membangun sekarang ini, dan tidak

kurangnya juga yang keluar mencari pekerjaan di negara-negara lain, maka tinggallah kebun-kebun mereka menjadi hutan semula terutamanya kebun getah lama yang tidak begitu memberi hasil lagi. Bagi pekebun sagu pula untung nasib mereka ini telah berpuluhan-puluhan tahun menghadapi harga tepung itu tidak ada perubahan sampailah hari ini iaitu harga tepung itu antara \$10 sampai \$12 satu pikul dan yang basah belum dicuci cuma berharga di antara \$6 dan \$7 satu pikul. Dengan kesempatan ini saya merayu kepada pihak yang berkenaan mahupun Perbadanan Pembangunan Ekonomi Negeri Sarawak (SEDC) mengikut apa yang difahamkan terlibat dalam perdagangan tepung sagu supaya berusaha bagi mencari jalan baru bagi mendapat harga berpatutan serta menentukan mutu-mutu tepung sagu di negeri Sarawak serupa dengan tepung sagu yang dikeluarkan dari negeri Johor mahupun Perak yang mendapat harga lebih jauh tinggi dari tepung sagu negeri Sarawak, kononnya mutu tepung sagu Sarawak tidak baik dan kotor, kadangkala dikatakan tidak ada pasaran di luar negeri.

Akhir-akhir ini apa yang saya tahu jika tepung sagu dibuat dengan baik dan bermutu tinggi banyak negara lain berkehendak membelinya, selain daripada negeri Jepun.

Saya sekali lagi merayu kepada pihak-pihak berkenaan supaya menggalakkan kilang-kilang memproses sagu di Sarawak, membuat tepung itu supaya bermutu baik ataupun Perbadanan Pembangunan Ekonomi membuat kilang tepung sagu yang bermutu baik dan seterusnya mengeksport tepung itu keluar negeri supaya tidak dimonopoli oleh satu pengeksport sahaja yang boleh meletakkan harganya sesuka hati, dengan mengambil keuntungan yang berlebihan dari pekebun-pekebun sagu. Juga saya berharap kepada SEDC atau pihak berkenaan dapat memberi galakan yang ikhlas kepada peniaga-peniaga bumiputra yang telah lama memohon dan menunggu untuk mendapat lot-lot kedai di daerah-daerah luar bandar di negeri Sarawak di mana terdapat lot-lot kedai yang telah siap diukur oleh Jabatan Tanah dan Ukur begitu lama. Sekarang rakyat peribumi yang memohon lot-lot itu dahaga

menunggu keputusan yang dibuat oleh pihak-pihak berkenaan mahupun Jabatan Tanah dan Ukur yang menentukannya. Jika perkara seperti ini tidak dapat berjalan dengan lancar, maka bukan sahaja rakyat menunggu itu dahaga, Dasar Ekonomi Baru Kerajaan juga turut menjadi hampa.

Saya yakin Jabatan-jabatan Kerajaan hari ini bukan sahaja dengan kata-kata 'Berkhidmat untuk Rakyat' apa yang kita harapkan boleh menjadi satu kenyataan kepada rakyat dan Kerajaan sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kerjaraya adalah satu Kementerian yang banyak terlibat dalam pembangunan terutamanya jalanraya dan sebagainya. Sudah tentulah semua negeri dalam Malaysia sangat bergantung kepada Kementerian ini walaupun umpannya di Sarawak mungkin Jabatan Kerja Raya Negeri yang bertanggungjawab kepada Jabatan Kerja Raya di negeri itu mempunyai kuasa-kuasa yang tertentu. Apa yang menjadi masalah besarnya ialah dari segi kewangan yang masih lagi bergantung kepada Kementerian Pusat. Tanpa peruntukan yang mencukupi yang diperuntukkan oleh Kerajaan Pusat, Jabatan Kerja Raya Negeri Sarawak tidak dapat membuat seperti jalanraya-jalanraya yang penting di negeri itu. Apatah lagi negeri itu sebelum merdeka masalah jalanraya sangat-sangat terhad sekali serta pula keadaan dan luasnya kawasan Negeri Sarawak juga menjadi satu perkara yang sangat-sangat berlainan jika dibandingkan dengan negeri-negeri di Semenanjung ini.

Dengan keadaan seperti inilah saya berharap pihak Kerajaan Pusat tidak hairan mendengar kami seolah-olah mendesak dan meminta peruntukan pada tiap-tiap waktu membahaskan Belanjawan negara kerana Negeri Sarawak itu sendiri pada masa ini belum lagi dapat berdiri di atas kaki sendiri walaupun buminya mempunyai sumber-sumber kekayaan asli.

Sekarang jalan besar di antara Bahagian Ketiga dan Keempat di antara Balingian dan Tatau hampir siap yang membolehkan cara perhubungan jalanraya dari Kuching sampai Negeri Sabah. Walaupun demikian ada lagi cadangan untuk membuat jalanraya baru di

antara daerah yang mundur dan juga boleh membuka tanah untuk pertanian yang perlu dibuat dengan seberapa segera untuk menghubungi jalanraya besar Sarawak—Sabah itu. Umpamanya seperti cadasan Kerajaan Negeri Sarawak membuat satu batang jalanraya dari pekan Kuala Mukah ke pekan Balingian yang berkehendakkan belanja seperti yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sarawak waktu melawat kawasan itu baru-baru ini sebanyak \$14 juta. Selama setakat ini peruntukan yang diperolehi \$3 juta sahaja, yakni kekurangan \$11 juta lagi.

Oleh itu dengan memandang kemunduran rakyat di kedua-dua pekan Kuala Mukah dan Balingian serta tidak ada perhubungan jalanraya yang terus terutamanya ke Sibu serta juga dapat membuka banyak lagi tanah untuk pertanian rakyat, maka saya merayu kepada Kementerian Kerjaraya Pusat supaya menambah lagi peruntukan yang boleh membuat sebatang jalanraya itu seperti yang diterangkan tadi dalam tempoh Rancangan Malaysia Keempat. Harapan rakyat di Negeri Sarawak bergantung banyak kepada Kerajaan Pusat bagi mengubah taraf kehidupan khususnya peribumi, di mana pada masa ini masih banyak lagi terdapat sebagai hidup menumpang di negara orang lain. Inilah satu masalah yang kami selalu titikberat apabila membahas perkara-perkara yang berkaitan dengan rakyat yang kurang berasib baik dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, kami juga tidak lupa mengucapkan terima kasih kepada Kementerian Pelajaran yang begitu mengambil perhatian berat di bidang pelajaran generasi muda di seluruh negara ini. Ini adalah bersesuaian dengan sebuah negara yang sedang membangun seperti kita sekarang ini. Tanpa pelajaran dan pengetahuan serta didikan yang sempurna kepada rakyat lebih-lebih lagi kepada belia-belia yang bakal memimpin negara ini pada hari esok, tentulah menimbulkan satu masalah untuk menghadapi dan mengatasi segala macam cabaran di dalam sebuah negara berbilang kaum dan kepercayaan untuk membasmikan kemiskinan dan

membendung inflasi. Dengan keadaan begitu tentulah negara memerlukan setiap rakyat tidak bergantung kepada usaha Kerajaan dan swasta sahaja untuk mendapat kerja.

Memandang ramainya belia-belia seperti di Negeri Sarawak pada hari ini yang tidak dapat melanjutkan pelajaran mereka ke peringkat yang lebih tinggi, ingin saya mengesyorkan kepada Kementerian berkenaan supaya membina lebih banyak lagi Sekolah Vokasional di Negeri Sarawak bagi menggalakkan belia-belia negeri itu mengambil kursus kemahiran bersesuaian dengan pembangunan negara di masa ini. Negeri Sarawak juga memerlukan tenaga mereka bukan sahaja untuk makan gaji ataupun untuk perusahaan sendiri dan bermacam-macam usaha lagi termasuklah pertanian atau perniagaan semasa kecil lebih dahulu. Dengan adanya didikan seperti ini saya yakin belia-belia di negara ini khasnya di Sarawak mempunyai kemampuan dan kebolehan yang cukup untuk berdikari.

Menyentuh mengenai program makanan tambahan kepada murid-murid sekolah terutama di sekolah luar bandar, adalah satu perkara yang mendapat pujian dari rakyat miskin. Walaupun dalam hal ini terpaksa Kerajaan membelanjakan wang begitu banyak, hasilnya iaitu kesihatan dan otak cergas murid-murid adalah satu faedah yang tidak kurang pentingnya yang sangat diperlukan oleh masyarakat dan negara.

Dengan adanya pertambahan bilangan murid-murid sekolah pada tiap-tiap tahun maka tanggungjawab Kementerian Pelajaran semakin bertambah untuk membina sekolah rendah dan menengah baru seperti di Sarawak ataupun lain-lain negeri dalam Malaysia. Bagi Negeri Sarawak sekarang terdapat banyak sekolah rendah dan menengah menggunakan dua sessi sehari kerana tidak cukup bilik darjah terutamanya di bandar ataupun di luar bandar.

Di sini ingin saya mengesyorkan kepada Kementerian Pelajaran supaya satu sekolah menengah untuk Tingkatan VI Rendah dan Tingkatan VI Atas dapat dibina berhampiran pekan Kuala Mukah dalam tempoh Rancangan Malaysia Keempat ini. Bagi Daerah Dalat pula, memandangkan sekolah

menengah Kerajaan yang ada sekarang ini telah penuh dan juga kawasan tanah di tempat itu sangat sempit serta rendah, maka di sini suka saya mendapat perhatian pihak berkenaan apabila hendak membuat sebuah sekolah menengah baru di daerah itu eloklah dibuat di daerah kecil Kuala Oya kerana di situ kawasan tanah Kerajaan masih lagi begitu luas dan tanahnya tinggi, juga berhampiran dengan tepi pantai laut yang cantik di samping membangunkan pekan Oya yang begitu ketinggalan seperti sekarang ini.

Saya juga suka menarik perhatian Kementerian Pelajaran mengenai keadaan bangku dan meja dalam bilik darjah sekolah rendah dan menengah Kerajaan di Negeri Sarawak yang tidak memuaskan keadaannya, telah beberapa lama tidak diganti dan diperbaiki supaya diambil tindakan segera untuk mengatasi masalah seperti ini.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai Majlis-majlis Daerah yang di bawah kuasa Kerajaan Tempatan di Sarawak, seperti Dewan yang mulia ini sedia maklum baru-baru ini semua Councillor-councillor baru yang dilantik telah menggantikan councillor-councillor lama yang dipilih oleh rakyat. Atas lantikan semua Councillor baru adalah pada keseluruhannya disambut baik oleh rakyat kerana lantikan mereka itu juga mencerminkan rakyat berbilang kaum dan kepercayaan di negeri itu. Kami berkeyakinan dengan adanya perlantikan Councillor-councillor baru di mana ramai daripada orang-orang yang berpelajaran tinggi dan mempunyai kebolehan serta pengalaman dapat memberi khidmat yang lebih baik lagi kepada rakyat. Walaupun demikian peruntukan atau bantuan kewangan tentulah sangat dikehendaki. Oleh itu saya berharap Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan Pusat dapat menambah lagi peruntukan atau bantuan bagi melicinkan tugas Kerajaan Tempatan terutamanya di Majlis-majlis Daerah Luar Bandar yang peruntukan kewangannya sangat terhad untuk membuat projek-projek kecil seperti jalan-jalan kampung, longkang, lampu, jalan dan sebagainya.

Saya juga tidak lupa mengucapkan terima kasih kepada Jabatan Perdana Menteri yang banyak memberi peruntukan untuk

projek-projek kecil dan projek-projek gotong-royong di luar bandar seluruh negeri Sarawak melalui Jabatan Pembangunan Negeri termasuklah projek-projek yang dilulus oleh Ahli-ahli Dewan Rakyat sebanyak \$100,000 setahun.

Pada tahun 1982 Ahli-ahli Dewan Rakyat boleh meluluskan untuk projek-projek kecil di kawasannya sebanyak \$200,000. Apa yang saya suka menarik perhatian Dewan yang mulia atau pihak Jabatan Perdana Menteri tentang keadaan kami sebagai Ahli Dewan ini apabila pergi berjumpa rakyat atau rakyat datang berjumpa kami selalunya mereka itu meminta bantuan Kerajaan untuk projek-projek kecil seperti di kampung-kampung dan rumah panjang. Di waktu itu bagi kami khususnya di Sarawak tidak dapat hendak memberi apa-apa melainkan berkata kami akan cuba berhubung dengan Ahli Dewan Rakyat atau Menteri berkenaan di kawasan itu.

Apa yang menjadi masalah rakyat tentulah berkata dan pernah berkata rupanya Senator tidak ada kuasa untuk memberi projek-projek yang begitu kecil, umpamanya yang berharga tidak lebih daripada \$5,000. Apa yang saya suka utarakan di sini bolehkah pihak yang berkenaan memberi pertimbangan supaya Ahli-ahli Dewan ini juga diberi kuasa untuk meluluskan projek-projek kecil yang dikehendaki rakyat walaupun jumlahnya untuk tempoh setahun kurang daripada yang diberi kepada Ahli-ahli Dewan Rakyat, supaya kami sebagai Ahli Dewan ini yang menjaga nama baik Dewan yang tertinggi tidak dianggap oleh golongan tertentu hanya sebagai "rubber stamp" sahaja.

Saya rasa jika pihak Kerajaan memberi kuasa kepada Ahli-ahli Dewan ini untuk meluluskan satu-satu projek kecil yang dikehendaki rakyat di negeri masing-masing adalah merupakan nilai seseorang Senator itu sebagai Ahli Dewan yang tertinggi dalam negeri ini dapat memberi kepercayaan yang lebih kuat lagi kepada perpaduan rakyat di negara kita ini.

Menyentuh di bidang kesihatan, memandangkan kepada keadaan sebuah Daerah Dalat dalam Bahagian Ketiga

Sarawak pada masa ini hanya mempunyai sebuah gudang ubat kecil sedangkan pekan Dalat begitu jauh dari hospital Sibu dan Mukah. Oleh itu saya merayu kepada Kementerian berkenaan supaya membina sebuah Pusat Kesihatan Daerah bagi keperluan rakyat di daerah itu.

Mengenai Polis Di-Raja Malaysia termasuklah tentera Darat, Laut dan Udara yang kita harus memberi kepujian atas tugas dan khidmat yang cemerlang mereka menjaga keselamatan seluruh negara kita ini. Walaupun demikian saya ingin mengesyorkan supaya Merin Polis atau Tentera Laut membuat rondaan lebih kerap lagi bagi menjaga pantai negeri Sarawak yang begitu panjang dan terbuka bagi menjamin keselamatan di negeri itu. Juga saya ingin mengesyorkan kepada pihak berkenaan supaya balai-balai polis dibina di kawasan pekan kecil pendalamannya seperti di Setapang, Ulu Oyah dan Selanga, Ulu Mukah di Bahagian Ketiga negeri itu bagi menjaga keselamatan di tempat yang sedang membangun sekarang ini.

Pada akhirnya saya menyokong usul Belanjawan 1982 yang dibentang di hadapan Dewan yang mulia ini sekarang. Sekian, terima kasih.

6.25 ptg.

**Tuan Haji Fadzil bin Ahmad:** Bismillahir-rahmanir-rahim. Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kerana diberi kesempatan untuk turut mengambil bahagian di dalam perbahasan Belanjawan pada kali ini di dalam Dewan yang mulia pada petang ini.

Sebelum saya menimbulkan perkara-perkara lain, ingin saya terlebih dahulu mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada Yang Berhormat Mulia Tengku Razaleigh Hamzah, Menteri Kewangan Malaysia yang telah membentangkan satu Belanjawan yang disambut baik dan mengembirakan rakyat seluruhnya. Meskipun ada pihak Pembangkang yang beranggapan bahawa Belanjawan tahun 1982 adalah Belanjawan

pilihanraya tetapi pada pendapat saya dengan mengambil kira Belanjawan-belanjawan pada tahun-tahun lalu memanglah Belanjawan tahun ini juga lebih menitikberatkan kesenangan dan kesejahteraan rakyat. Kalau pihak Pembangkang beranggapan lain memang itu adalah ketidak kesenangan yang menghantui mereka. Apatah lagi kesukaran-kesukaran yang mereka hadapi masa pilihanraya nanti.

Sesungguhnya, Belanjawan tahun 1982 adalah membayangkan hakikat keadaan ekonomi Malaysia pada masa lalu dan kini yang teguh serta stabil. Saya merasa amat gembira sekali kerana strategi Belanjawan tahun 1982 adalah bertujuan menggalakkan pertumbuhan ekonomi, membasihi kemiskinan dan membendung inflasi serta mengukuhkan kedudukan imbalan pembayaran negara kita. Ini adalah merupakan satu strategi yang berani, wajar dan praktikal. Saya katakan ini memandangkan Malaysia masih memerlukan pertumbuhan ekonomi bagi membasihi kemiskinan yang masih wujud dan membendung inflasi yang sentiasa meningkat.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan peruntukan Belanjawan yang begitu tinggi iaitu berjumlah \$31,951 juta di mana \$17,319 juta adalah bagi perbelanjaan mengurus dan \$1,632 juta untuk pembangunan. Oleh yang demikian izinkanlah saya untuk menyentuh perkara-perkara yang berhubung dengan beberapa Kementerian yang tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai seorang ahli yang tinggal dan datang dari salah sebuah pusat pelancungan di negara ini iaitu di Pulau Langkawi. . . . .

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat boleh sambung perbahasan esok.

Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sekarang sehingga jam 2.30 petang hari esok, 10-12-82.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.*